

Kuasa Sebagai Asas Pertimbangan Orang Melayu: Analisis Psikologi Watak Manusia dalam Cerita Jenaka Melayu

Suhaini Md Noor, Mohd Faizal Musa, dan Ros Mahwati Ahmad Zakaria

Institut Alam dan Tamadun Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
suhaini@ukm.edu.my

ABSTRAK

Manusia adalah antara watak yang menjadi salah satu penggerak cerita jenaka Melayu yang merupakan salah satu cabang dalam sastera rakyat. Kecenderungan pengkaji-pengkaji sastera mengkaji watak-watak manusia ini merupakan perkembangan yang baik dalam menjadikan sastera rakyat sebagai alat didaktik yang mendidik masyarakat. Kajian ini dijalankan bagi mengkaji elemen psikologi watak manusia iaitu pertimbangan watak dalam menerima, menolak, membuat keputusan dan pilihan dalam teks terpilih iaitu Pak Pandir, Si Luncai dan Musang Berjanggut. Bagi mengimplementasi pendekatan psikologi dalam memahami watak manusia dalam teks, terapi naratif yang mempunyai tiga tahapan utama iaitu externalization, reconstruct dan re-author diadaptasi. Bagi melaksanakan reka bentuk kajian kualitatif, kajian ini memanfaatkan kaedah sintesis naratif dalam tahapan externalization, manakala kaedah analisis tematik digunakan dalam tahapan reconstruct dan re-author bagi melengkapkan adaptasi terapi naratif. Analisis bandingan domain Teori Pilihan Glasser dalam memahami pertimbangan watak memperlihatkan bahawa kuasa adalah domain paling banyak mempengaruhi pertimbangan watak-watak manusia dalam memberi respon menolak, menerima, membuat keputusan dan pilihan. Menariknya, kajian berjaya membuktikan bahawa dalam struktur sosial masyarakat Melayu, watak-watak sangat mementingkan darjat dan kedudukan manusia. Kajian ini memperlihatkan bahawa kuasa ternyata menjadi satu beban psikologi yang harus dipertimbangkan dalam menimbang tara sesuatu hal dalam kehidupan mereka termasuk hal-hal terkait kepentingan peribadi, keluarga dan masyarakat.

Kata kunci: Psikologi, watak, manusia, teks jenaka Melayu, kuasa

PENDAHULUAN

Cerita jenaka Melayu adalah cabang sastera lisan yang berlegar dalam kalangan masyarakat Melayu. Sastera lisan adalah satu warisan tradisional sesuatu bangsa yang berasal dari sumber yang tidak bertulis (Beatriz Mariscal 1987; Mohd Amin Hassan 1974; Jan Vansana 1965) disampaikan oleh generasi terdahulu kepada generasi seterusnya melalui penceritaan mulut ke mulut. Cerita yang asalnya secara lisan ini menjadi asas kepada pengkisahan atau penceritaan yang kini telahpun ditransformasi dalam pelbagai medium (Mohd Firdaus Che Yaakob dan Normaliza Abd. Rahim 2014; Lindsay M. Brown 1997).

Antara cerita rakyat yang masyhur dan diketahui ramai dalam kalangan masyarakat Melayu termasuklah Bawang Putih Bawang Merah, Pak Pandir, Batu Belah Batu Bertangkup, Si Luncai, Pak Kadok, Lebai Malang, Musang Berjanggut dan banyak lagi. Semua bentuk tradisi lisan ini diturunkan dari generasi ke generasi, sama ada kekal secara lisan atau dipindahkan kepada tulisan (Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim, 2014). Ada sesetengah pengkaji yang turut meletakkan genre cerita jenaka sebagai salah satu cabang sastera rakyat (Nang Naemah et al. 2015; Hassan Ahmad 2007; Mohd. Taib Osman 2007). Cerita-cerita ini tidak mempunyai pemilik dan penyampaiannya ditokok tambah oleh setiap tukang cerita untuk lebih menarik.

Maka, cerita jenaka Melayu tidak mempunyai pemilik yang mutlak dan khusus (Mohd Firdaus Che Yaakob dan Normaliza Abd. Rahim 2016).

Sehubungan dengan itu, cerita jenaka Melayu disandarkan kepada masyarakat Melayu sebagai pemiliknya (Mohd Firdaus Che Yaakob 2018) kerana ia menggambarkan budaya dan cerminan perilaku yang sinonim dengan orang Melayu (Mohd Firdaus Che Yaakob 2021) selain ciri pemikiran mereka (Wan Muhammad Aiman Wan Aziz 2018). Cerita jenaka merupakan salah satu tradisi lisan dengan sifatnya mencuit hati berfungsi sebagai hiburan (Andre Kurniawan 2021; Mohamad Sufian, Roslina dan Nik Rafidah 2018; Muhammad Takari 2013). Selain fungsi menghiburkan pendengarnya, cerita jenaka juga berperanan sebagai alat dalam mendidik dengan memberi impak pengajaran menerusi kritikan sosial terhadap persekitaran, pengalaman atau suasana yang digambarkan dalam kehidupan masyarakat dalam cerita (Andre Kurniawan 2021; Mohd. Taib Osman 2007).

Gambaran budaya dan realiti sosial masyarakat Melayu dalam teks jenaka diterjemah dalam bentuk tindakan, pemikiran dan emosi watak-watak manusia yang digarap. Watak yang ditonjolkan sebagai watak utama mahupun watak sampingan adalah berperanan sebagai penguat sebuah penceritaan (Suliaty Asri 2016). Dalam kebanyakan cerita jenaka Melayu, watak utama cerita diangkat sebagai tajuk. Antara cerita yang mengangkat watak utama yang berupa sosok manusia sebagai tajuk cerita adalah Pak Pandir, Pak Belalang, Pak Kaduk, Lebai Malang dan Awang Lurus. Unikunya cerita jenaka Melayu terletak kepada watak-watak yang digambarkan dalam cerita yang disampaikan sehingga ada yang menjadi tajuk cerita. Justeru, selayaknya watak manusia dalam teks jenaka Melayu difahami selayaknya sebagaimana usaha kita menata psikologi manusia hidup bagi memahami pertimbangan yang mendorong emosi, pemikiran dan tingkah lakunya.

PERTIMBANGAN MANUSIA DALAM TEKS CERITA JENAKA MELAYU

Kebanyakan kajian lepas turut memfokuskan perbincangan kepada watak-watak dalam cerita dan mula mengupas watak dari sudut pandang pelbagai perspektif bidang ilmu. Justeru minat para pengkaji untuk melihat watak cerita ini wajar diraikan. Perwatakan yang digambarkan menerusi tingkah laku watak-watak dalam sumber cerita ini adalah penting untuk dilihat secara terperinci. Selayaknya watak manusia dalam cerita difahami sebagaimana usaha mengenali karakter dan psikologi manusia hari ini. Dalam kajian ini, elemen psikologi yang difokuskan adalah proses pertimbangan manusia. Elemen ini diperhatikan agar dapatan kajian akan merungkai apakah faktor dan dorongan yang mencetuskan pilihan, pertimbangan malahan reaksi atau tingkah laku manusia dalam sesuatu keadaan.

Pertimbangan lazimnya dikaitkan dengan persoalan mengapa seseorang bertindak sedemikian, apa yang mempengaruhi keputusan dibuat serta apa faktor yang menentukan penerimaan atau penolakan seseorang terhadap sesuatu perkara dalam hidupnya. Pertimbangan didefinisikan sebagai fikiran atau renungan mengenai buruk baik tentang sesuatu perkara. Pertimbangan adalah dasar sesuatu perhitungan, keputusan dan tindakan (<https://prpm.dbp.gov.my/>).

Pertimbangan juga ditakrifkan sebagai hasil perkiraan dan pendapat. Pertimbangan dan penilaian menggunakan akal ini dikaitkan dengan proses taakul (Kamus Pelajar Edisi 2). Pertimbangan juga dimaksudkan dengan kecenderungan membuat pilihan, iaitu menentukan sesuatu perkara yang disukai, sesuai dan yang baik. Menurut Kamus Dewan Edisi Ke-4, pertimbangan dan bandingan beberapa pilihan dihuraikan dalam memahami 'patut' menurut pendapat hal baik buruk, benar salah serta kecocokan dengan sesuatu keadaan yang berlaku.

Pertimbangan seseorang juga boleh dipengaruhi oleh kuasa yang dimiliki atau peranan yang dimainkan dalam sesebuah sistem sosial. Malah, tahap taakulan (pertimbangan) dibuat dengan tuntutan peraturan yang relatif dan nilai yang subjektif. Hal ini dikaitkan dengan pengaruh atau keterikatan seseorang dengan kontrak sosial dan etika sejagat yang dipegangnya. Tindakan seseorang hanya boleh dinilai bila seseorang itu membuat pertimbangan terbaik di antara pilihan yang ada padanya. Menghakimi peribadi seseorang tanpa memahami dan mengetahui asas pertimbangan adalah tidak adil. Tanpa pilihan, tindakan yang berunsur keterpaksaan atau terbatas tanpa asas maklumat yang cukup, ia tidak boleh dipuji atau dihukum kerana individu berkenaan boleh dikatakan sebagai aktor sahaja. (Jamaludin, Azizan, dan Wan Zailan, 2017).

Terdapat kajian-kajian terdahulu dilakukan ke atas teks cerita jenaka secara khusus membandingkannya dengan ilmu psikologi. Menerusi kajian psikologi ini, cara fikir, kehebatan minda dan kesejahteraan mental orang Melayu dapat difahami. Antaranya adalah faktor pengadilan dan pilihan pembuatan keputusan yang cuba diperlihatkan menerusi teks cerita jenaka yang dijalankan oleh Mohd Firdaus dan Normaliza (2016).

Selain itu, elemen psikologi kognitif turut dianalisa menerusi cerita jenaka bagi menjelaskan budaya berfikir yang berlangsung dalam kalangan masyarakat Melayu suatu ketika dulu. Proses kognitif ini adalah satu proses yang mempunyai fungsi-fungsi dan tujuan yang spesifik. Ianya meliputi proses komunikasi dan penyelesaian masalah (Mohd Firdaus Che Yaakob dan Nasirin Abdullah, 2017; Mahmood Nazar Mohamed, 2001). Kesejahteraan mental masyarakat Melayu turut berjaya dikupas dan dibahas menerusi kajian ke atas cerita jenaka.

Kajian lepas membuktikan bahawa minda orang Melayu selalu berkembang dari zaman ke zaman selain minda Melayu yang penuh dengan nilai-nilai pengajaran yang dijadikan haluan dan sempadan dalam mereka bertingkah laku (Mohd Firdaus Che Yaakob dan Nasirin Abdullah, 2017). Keupayaan Mental Melayu juga ternyata tidak dapat disangkal. Masyarakat Melayu memiliki budaya berfikir yang cerdas dan cerdik dalam membuat suatu keputusan, pertimbangan serta tindakan dalam memastikan kehidupan yang lebih baik dan sempurna.

Aspek pembuatan keputusan yang merupakan elemen psikologi penting juga turut dikaji. Menerusi cerita-cerita jenaka yang dikaji, didapati plot-plot yang disusun adalah mengarah kepada seni pembuatan keputusan dalam kalangan watak cerita (Mohd Firdaus Che Yaakob dan Nasirin Abdullah, 2017; Mahmood Nazar Mohamed, 2001). Inisiatif atau ikhtiar untuk menjalani kehidupan yang harmoni dan sejahtera telah secara langsung mengaitkan kemahiran berfikir dengan seni pembuatan keputusan dari pelbagai perspektif.

Muhammad Safuan et. al (2018) mengkaji watak-watak dan perwatakan dari perspektif psikologi bagi melihat kewajaran tindakan yang dilakukan oleh watak. Watak Awang yang lurus dalam teks jenaka Melayu Awang Lurus ditafsirkan sebagai ringan tulang kerana membantu ibunya membeli daging di pasar sempena persiapan raya. Selapis bacaan, ia boleh diterima dan di persetujui. Selanjutnya, dengan perbandingan pendekatan Psikologi, tindakan ringan tulang itu tadi digambarkan sebagai rasional kerana untuk memenuhi keperluan fisiologi pula. Cubaan dan usaha melihat tingkah laku watak harus dipuji dan dihargai. Namun beberapa persoalan timbul di mana adakah daging adalah keperluan fisiologi Awang dan ibunya atau ia adalah menu istimewa untuk menyambut hari raya yang merupakan hari perayaan untuk umat Islam. Dalam hal ini pastinya ada kupasan dalam tentang pertimbangan Awang dan ibunya dalam memilih untuk memasak menu daging dan membeli dua kati sempena khusus hari raya yang bakal dirayakan.

Selain cerita Awang Lurus, kajian ke atas cerita Pak Kaduk turut memperlihatkan faktor menjadi asas pertimbangan watak. Titah raja yang meminta pak Kaduk bertukar ayam tidak disangka malah mengakibatkan dirinya kehilangan hartanya. Tidak berniat membela watak-watak cerita secara mutlak. Namun kajian terdahulu menekankan aspek keselamatan sebagai asas

pertimbangan dalam watak berfikir dan bertindak. Justeru stereotaip yang secara mudah dilemparkan ke atas Watak Pak Kaduk sebagai watak yang bodoh, sial, taat, membuta tuli ternyata ada mesej perbincangan yang lebih mendalam. Dengan bukaan ruang argumen ilmu ini, tanggapan stereotaip negatif ini mungkin boleh diwajarkan dengan pandangan yang lebih konkrit dan bersandarkan teori bandingan dan bukan tafsiran bacaan selapis ke atas teks cerita.

Penjelasan tentang psikologi karakter berani pada watak Awang lurus dalam kajian Safuan et al (2018) ternyata boleh diperluaskan lagi. Pengkaji mengaitkan usaha Awang lurus mendekati anak-anak pembesar untuk dijadikan isteri sebagai keberanian dan kematangan Teruna Melayu di zaman itu. Namun jika diteliti, ternyata timbul persoalan tentang keinginan perkahwinan dan pemilihan calon dari kalangan keluarga bangsawan pastinya dilandasi faktor pertimbangan yang lebih bermakna dan khusus. Hal ini nyata harus diperhalusi bagi mengajarkan tingkah laku dan pertimbangan watak yang dikaji. Meskipun usaha mendapatkan calon isteri dari golongan bangsawan gagal, gambaran Awang mengembara mencari isteri yang bijak sana sebagaimana amanat ayahnya (Safuan 2018) menampakkan pertimbangan Awang bukan hanya untuk beristeri tetapi kualiti yang digariskan adalah kelompok yang harus dikaji.

Menerusi perbandingan pendekatan Teori Maslow yang diketengahkan dalam konteks kajian ini, aspek tingkatan keperluan-watak berlaga diperlihat. Awang di awal cerita lebih mengutamakan keperluan fisiologi. Namun setelah berjaya keluar dari kemiskinan, ibunya mengusulkan agar Awang mula mempertimbang keperluan kasih sayang, Awang ternyata seterusnya mencari keperluan nya untuk bersosial dan berkasih sayang. Watak si Luncai turut mendapat perhatian dalam kajian-kajian yang menggandingkan teks cerita jenaka dengan bidang ilmu psikologi. Stereotaip negatif tentang si Luncai dikupas dari aspek Psikologi Si Luncai berbohong dan berbuat helah kepada raja adalah kerana mempertahankan hak dan dibalaskan kezaliman raja ke atas kesalahannya yang kecil dan tak berpadanan tak adil dengan hukum bunuh yang dijatuhkan ke atasnya. Dalam Safuan et al (2018), si Luncai dikatakan mempertahankan hak dan melepaskan diri dari kezaliman dan kehinaan kerana ia terdorong untuk memenuhi rasa ingin dihormati, di sanjung dan dipuji. Tindakan si Luncai membunuh raja dan menerima Pertabalan sebagai raja dan nikahi puteri raja adalah gambaran si Luncai ingin mencapai tahap kesempurnaan diri. Tafsiran aspek Psikologi yang menjadikan teori maslow sebagai bandingan menjelaskan aspek psikologi mampu memberi makna yang lebih mendalam terhadap tingkah laku watak.

Lebih dalam lagi tindakan ini diwajarkan dengan keperluan keselamatan. Hubungan raja-rakyat dilihat dalam kajian cerita jenaka Melayu. Si Luncai dihurai sebagai watak yang tidak mudah mengalah dengan kuasa raja yang tak adil. Gambaran ini dikatakan berbeza dengan watak-watak cerita jenaka yang lain seperti Pak Kaduk yang hanya menurut dan patuh dengan perintah yang diberikan oleh raja.

Watak lebai Malang mungkin dipandang negatif seperti gelar namanya yang di angkat sebagai tajuk teks cerita jenaka. Namun pengkaji lepas sedaya upaya merasionalkan perwatakan dan karakter watak menerusi perincian cerita yang disampaikan. Bertolak dari tanggapan Pak Lebai seorang yang tamak dan malang, Teori Maslow ternyata menjelaskan tanggapan ini sebaliknya. Tindakan pak lebai mendahulukan upacara pengurusan jenazah menjelaskan proses pertimbangan yang berlangsung. Proses timbang-tara antara urusan jenazah, Khatam Quran, berfikir menyerlahkan keupayaan watak menaakul, mengukur keutamaan dan meletak prioriti dalam urusannya.

Pilihan mendahulukan urusan jenazah menjelaskan keutamaan terhadap nilai adat dan agama yang diberikan dalam kehidupannya. Dalam kajian lepas, hal ini dikaitkan dengan keperluan kesempurnaan diri iaitu kecenderungan untuk memilih yang paling dekat dengan agama dan tuntutan nya. Etika seseorang manusia akan tercermin menerusi sikap, tingkah laku dan tindak tutur yang boleh diteladani. Ternyata karakter watak ditentukan oleh faktor dalaman dan luaran. Faktor dalaman dijelaskan sifat dan karakter, manakala faktor luaran dijelaskan sebagai

pengaruh lingkungannya. Dalam kajian ini pula pertimbangan diteliti sesuai dengan konteks cerita terpilih yang memerlukan analisa mengikut situasi watak dan tidak secara bertahap. Justeru teori maslow tidak diambil sebagai perbandingan.

Pendekatan psikologi humanistik ternyata banyak diaplikasi dalam menganalisis watak dan perwatakan positif dalam cerita jenaka. Analisis kandungan dijalankan dengan mengkaji elemen keperluan dalam Pendekatan psikologi Humanistik (Teori Hirarki Keperluan Maslow). Antara keperluan yang dikaji ialah keperluan fisiologi, keperluan keselamatan, kumpulan kasih sayang, harga diri dan mencapai kesempurnaan diri (Muhammad Safuan, Roslina, Nik Rafidah 2018).

Huraian keperluan ini dapat dilihat dalam interpretasi teks yang memperlihatkan tindakan watak memperdaya seekor harimau kerana faktor keselamatan diri. Justeru, analisa pengkaji tentang kehebatan watak menipu menjadi satu nilai murni dan mewajarkan kecerdikan watak adalah analisa yang bersifat selapis. Keputusan watak untuk menyelamatkan diri dari serangan seekor harimau demi keselamatan adalah satu bentuk pertimbangan yang seharusnya dikupas sebagai analisis tahap kedua sebagai justifikasi mendalam tentang tingkah laku watak.

Selain mengangkat tindakan watak sebagai indikator ketamadunan unggul sesuatu bangsa, dari perspektif psikologi, pertimbangan watak yang membawa kepada tindakan menyelamatkan diri adalah satu situasi yang akan dilakukan oleh mana-mana manusia yang berhadapan dengan situasi sedemikian. Percubaan membaca nilai moral watak dengan membandingkan tingkah laku watak dengan teori kecerdasan emosi oleh Goleman. Menerusi teori ini, elemen kesedaran diri, pengelolaan emosi, kesedaran sosial, motivasi dan ketrampilan sosial dibandingkan dengan tingkah laku watak dan dicerakinkan kepada dua jenis nilai iaitu moral ketrampilan dan moral sosial. Kajian ini menyerlahkan nilai moral kepribadian yang boleh diteladani dan disempadani seperti kejujuran/kebohongan, berani, kritis, kreatif, rendah hati, dan tanggungjawab. Manakala nilai moral sosial yang dihuraikan sebagai pengajaran adalah hormat kepada orang lain, bekerjasama, setiakawan, musyawarah dan disiplin.

Berdasarkan kesemua kajian lepas berkaitan kajian psikologi ke atas watak cerita rakyat yang disorot dan diteliti, kelompongan yang dapat dilihat menerusi kajian-kajian lepas yang diutarakan ini adalah terletak kepada persoalan tentang ketepatan analisa teks yang dilaksanakan bagi mengupas faktor psikologi. Ternyata jelas ia dilakukan secara umum dengan mengeluarkan bahan daripada teks dan membandingkan elemen psikologi yang dipilih. Namun, beberapa kajian dianalisis dan dihuraikan secara langsung, malah tidak membandingkan atau tanpa bersandarkan dengan mana-mana teori atau pendekatan psikologi yang khusus. Hal ini menjadikan kesangsian dan ketidakjelasan timbul tentang sejauhmana elemen psikologi yang disebutkan dan dianalisa menepati kerangka teori psikologi yang telah dipelopori oleh mereka yang ahli dalam bidang psikologi yang dibandingkan.

Perkembangan kajian bandingan ke atas cerita rakyat dan cerita jenaka memaparkan dapatan yang lebih positif dan kaya dengan nilai murni dan manfaatnya kepada pendidikan kognitif kanak-kanak (Mohd Firdaus Che Yaakob dan Nasirin Abdullah 2018; Firdaus dan Normaliza 2016). Contohnya, kajian yang menganalisis teks kajian cerita rakyat yang bertajuk Periuk Kera Ajaib. Watak utama iaitu Mawar yang bekerja keras kerana mengikut arahan ibunya dikelaskan sebagai gambaran sifat rajin. Namun begitu, jika diteliti lebih lanjut, dapat difahami bahawa tindakan Mawar bekerja keras menggantikan ibunya yang sakit adalah demi kelangsungan hidup keluarganya. Justeru, ternyata ada faktor dorongan dan desakan lain yang menyebabkan watak bertindak sedemikian dan bersikap sebagaimana digambarkan.

Sehubungan itu, kelompongan yang wujud dalam pembacaan teks menerusi teknik analisa pengesanan kata dalam teks semata-mata dalam menghurai dan menggambarkan nilai psikologi adalah wajar diisi justeru diperkembangkan. Watak cerita rakyat harus diangkat dan ditangani sebagai individu yang hidup ditangani dalam terapi psikologi. Penerapan prosedur terapi

psikologi dengan gabungan menganalisa teori pilihan akan menjangkakan satu kaedah penyelidikan yang komprehensif dalam menggandingkan bidang psikologi dengan latar sastera sebagai subjek kajian.

Berlatarkan pernyataan masalah ini, maka kajian ini akan mengupas kandungan cerita jenaka Melayu menerusi perbandingan teks dengan elemen psikologi menerusi pelaksanaan prosedur sistematik bersandarkan Terapi Naratif di samping perbandingan tema pertimbangan dengan Teori Pilihan Glasser.

Berlatarkan pernyataan masalah ini, maka kajian ini akan mengupas kandungan cerita jenaka Melayu menerusi perbandingan teks dengan elemen psikologi menerusi pelaksanaan prosedur sistematik bersandarkan Terapi Naratif di samping perbandingan tema pertimbangan dengan Teori Pilihan Glasser.

PENDEKATAN TERAPI NARATIF

Pelbagai pendekatan digunakan ahli psikologi dalam memahami seseorang individu dan interaksi dengan sekitarnya. Pendekatan ini membantu menyiapkan seseorang individu mengendali sikap dengan lebih baik, membina persepsi positif dan membuat pertimbangan rasional terhadap keadaan sekeliling. Antara kaedah yang sering digunakan adalah terapi psikologi. Terdapat banyak jenis terapi yang diaplikasi ke atas individu-individu yang memerlukan rawatan atau intervensi terapeutik psikologi (Verury Verona Handayani 2020).

Pendekatan Terapi Naratif yang berlatarkan pendekatan penceritaan individu tentang pengalaman hidup dijadikan panduan prosedur dalam menyesuaikan kaedah kajian bandingan ini. Menariknya, terapi psikologi ini berlangsung dalam sesi perkongsian antara ahli psikologi dengan seseorang individu yang dikenali subjek atau klien. Sesi ini memberi perhatian kepada perkongsian perbualan yang berkisar pemikiran dan pengalaman seseorang individu dalam bentuk penceritaan. Ternyata kaedah ini berkesan dalam menangani isu kesihatan mental (Verury Verona Handayani 2020). Dengan bercerita, karakter individu dapat difahami dan isu yang menjadi punca masalah psikologi dapat ditangani dengan lebih baik. Terapi psikologi akan membantu seseorang individu mengubah cara fikir, perlakuan dan emosi terhadap sesuatu isu yang dihadapi.

Secara umumnya, antara bentuk terapi komunikasi lisan dalam dalam intervensi terapeutik psikologi adalah terapi perilaku kognitif (*cognitive behavioral Therapy*, CBT), terapi interpersonal (*interpersonal therapy*), terapi psikodinamik/psikoanalisis (*Psychodynamic Therapy*), terapi seni dan terapi psikobimbingan yang boleh dijalankan dalam kumpulan sokongan atau sesi secara persendirian (Theresia Rina Yunita, 2020 ; Karlina Lestari, 2020). Menerusi terapi naratif, seseorang akan dapat difahami menerusi watak seseorang dan dunianya. Konsep terapi naratif ini lebih awal lagi diperkenalkan sebagai kaedah praktikal untuk memahami kognitif seseorang manusia (Brunner 1986; 2004).

Terapi naratif dibangunkan oleh Michael White & David Epston pada tahun 1980an. Proses komunikasi masalah, pengalaman sikap dan tingkah laku, kepercayaan dan pemahaman terhadap sesuatu (Habert, C Biggs & Anton D. Hinton-Bayre (2008). Terapi naratif fokus kepada cerita atau naratif yang disampaikan menerusi lisan seseorang. Individu yang bercerita dan berkomunikasi itu digalakkan membina dan mengkonstruksi semula dan menganalisis secara kritis pengalamannya. Ini bertujuan untuk memberi makna yang baru selain apa yang selama ini difahami secara berbeza atau perspektif negatif (White & Epston, 1990).

Terapi naratif menyediakan jalan pemaknaan menerusi intepretasi sendiri terhadap isu sosial, budaya dan konteks politik (White & Epston 1990). Selain itu, menurut Elspeth Mc Cartney (2006), struktur cerita yang dikongsi dalam sesi terapi perlu mempunyai watak (siapa), masa (bila), dan lokasi persekitaran (di mana). Cerita yang disampaikan boleh dalam bentuk cerita kejayaan, cerita kegagalan dan konstruk sosial yang diintepretasi melalui kejadian dalam kehidupan peribadi, keluarga mereka dan komuniti masyarakat yang lebih luas. Cerita yang dominan dalam penceritaan akan mempunyai implikasi kepada pilihan dan tindakan.

Joanne & Powell (2011) berpandangan bahawa proses mengenali seseorang melalui cerita atau sumber naratif yang disampaikan, akan membekalkan maklumat keperibadian yang terperinci serta gambaran karakteristik seseorang individu. Naratif atau penceritaan adalah proses mengkomunikasikan pengalaman dan ianya sesuai dalam mana-mana budaya. Maklumat yang menggambarkan nilai budaya akan menjadi penceritaan yang holistik, peka pada norma budaya setempat, gambaran jaringan sosial yang terjalin dalam keluarga dan masyarakat sekeliling. Pemahaman cerita yang disampaikan adalah medium komunikasi yang memberi makna refleksi peristiwa-peristiwa yang tersusun dalam plot-plot dengan watak secara peribadi atau masyarakat berkelompok yang dikenali sebagai naratif komuniti yang kaya dengan maklumat budaya dalam konteks pencerita secara lisan ataupun dipindah ke dalam bentuk tulisan (Karyn Stapleton & John Wilson 2017).

Berdasarkan huraian tentang terapi psikologi yang agak mendalam ini, dapat dilihat bahawa cerita adalah kata kunci kepada pendekatan psikologi yang dijelaskan. Pendekatan eklektik atau gabungan jalin pendekatan dan bidang ilmu ini menjadikan bidang psikologi dan sastera dapat didampingkan dan dikaji secara bersama. Cerita dalam bentuk lisan dan tulisan menemukan psikologi dan sastera dalam satu latar kajian. Sastera tradisional di seluruh dunia memaparkan bahawa cerita secara lisan yang menjadi tradisi masyarakat mengungkap seribu kisah, pengalaman dan pengajaran.

Terapi naratif memisahkan orang daripada masalah mereka, melihat mereka menerusi corak pemikiran atau tingkah laku yang mereka pamerkan. Hanya subjek yang melalui proses terapi mengetahui kehidupan mereka sendiri secara terperinci dan mempunyai kemahiran juga pengetahuan untuk mengubah tingkah laku mereka dan menangani isu mereka (Morgan, 2000). Terdapat beberapa tatacara yang biasa digunakan dalam terapi naratif. Secara umumnya, pendekatan Terapi Naratif dapat difahami menerusi gambaran Rajah 1:



Rajah 1. Tahapan dalam Terapi Naratif.

Penceritaan (Menyatukan Naratif)

Tugas ahli terapi adalah membantu subjek menceritakan kisah mereka dengan perkataan mereka sendiri. Kesediaan subjek bercerita adalah kunci kepada terapi naratif ini. Mengikut falsafah di sebalik terapi naratif, bercerita ialah proses membina makna dan mencari tujuan dalam pengalaman kita sendiri (Standish, 2013).

Tahapan Eksternalisasi

Tahapan eksternalisasi membawa subjek ke arah melihat masalah atau tingkah laku mereka menurut sudut pandangan luaran, bukannya sebahagian daripada diri mereka yang tidak boleh diubah. Hal ini boleh Ia boleh memberi kesan positif yang besar terhadap identiti dan keyakinan diri untuk melihat sesuatu isu dari sudut pandang berbeza (Bishop, 2011).

Tahapan Konstruk Semula (Re-construct)

Menkonstruk semula cerita subjek menjadikan isu lebih spesifik dan mengurangkan pengeneralisasian yang berlebihan. Langkah ini juga menjelaskan apakah isu teras atau isu sebenarnya. Cerita yang pelbagai disusun mengikut fokus sesi dijalankan. Ini mungkin membawa kepada idea yang lebih baik tentang perkara yang merisaukan subjek, menerusi topik atau tema yang ditetapkan. Proses ini akan membantu subjek memahami punca masalah (Bishop, 2011).

Tahapan Re-author

Teknik ini kompleks tetapi penting untuk aspek penceritaan terapi naratif. Teknik yang unik ini melibatkan proses pembinaan jalan cerita baru. Dalam terapi naratif, subjek dibantu untuk membina jalan cerita yang positif dan berfungsi agar membawa makna, atau membentuk identiti baru yang lebih baik. (Bishop, 2011). Kesannya, pengalaman isu yang sama mungkin akan dapat dihadapi dan ditangani dengan lebih positif dan baik di masa hadapan.


TEORI PILIHAN GLASSER

Tingkah laku dan motivasi manusia dijelaskan oleh Choice Theory (Glasser, 1998; Wubbolding, 2011). Ini didasarkan pada premis bahawa tindakan manusia muncul dari dalam diri individu daripada dipaksakan oleh mereka oleh orang lain atau situasi di luar kawalan mereka. Manusia didorong oleh lima keperluan penting, menurut Teori Pilihan: cinta dan kepunyaan, kuasa, kebebasan, keseronokan, dan kelangsungan hidup. Tingkah laku manusia didorong oleh tuntutan ini. Keperluannya merangkumi semua, universal, dan semula jadi.

Prinsip teori ini adalah manusia didorong oleh keperluan mereka: keperluan untuk dimiliki (cinta dan kekitaan); keperluan untuk melihat diri mereka berkesan dan terus meningkatkan kemahiran mereka (kuasa / kawalan); keperluan untuk menikmati proses kaunseling dan penyeliaan (keseronokan); dan keperluan untuk mencuba perkara baru (perlu mencuba perkara baru, menurut Appel (1985). (kebebasan). Konsep ketiga adalah bahawa dalam kaunseling dan subjek, subjek akan memilih tindakan, pemikiran, perasaan, dan fisiologi mereka (keseluruhan tingkah laku) untuk memenuhi keperluan mereka sendiri.

Teori Pilihan (Glasser, 1998) adalah teori yang menjelaskan tingkah laku manusia secara mendalam. Motif dalaman - keperluan dan kehendak - mendorong manusia untuk mencapai kepuasan dalaman. Perilaku berkelakuan adalah usaha untuk memuaskan keinginan dalaman seseorang. Tujuannya adalah untuk memberi kesan kepada dunia luar dan menghantar mesej ke seluruh dunia (Glasser, 1998). (Wubbolding, 2011). Glasser telah memberikan panduan yang luas untuk sesiapa sahaja yang ingin melaksanakan aktiviti yang merangkumi bagaimana otak berfungsi sehingga membawa kepada tingkah laku (Glasser, 2010). Aktiviti otak yang dimaksudkan ialah mendukung, mendorong, mendengar, menerima, mempercayai, menghormati, dan mengurus perbezaan adalah tujuh tabiat penyayang (2005) yang dirujuknya.

Antara faktor yang mempengaruhi pertimbangan yang boleh dilihat dalam karya ini adalah berdasarkan Teori Pilihan William Glasser 1998. Pada tahun 1984 Glasser melanjutkan kajian William Powers (1973) mengenai otak sebagai sistem kawalan. Glasser menggabungkan konsep lima keperluan asas atau petunjuk genetik sebagai sumber tingkah laku manusia dan mencipta Teori Kawalan (Wubbolding, 2011). Pada waktunya, untuk lebih banyak lagi mewakili apa yang dia ajarkan dengan tepat, Glasser menukar nama teorinya menjadi Choice Theory (1998). Huraian tentang teori Pilihan ini boleh difahami menerusi rajah 2.



Rajah 2. Kerangka Teori Pilihan William Glasser 1998.

Dalam teori ini, manusia didorong oleh lima keperluan asas: cinta dan kepunyaan, kekuatan, kebebasan, kesenangan, dan kelangsungan hidup. Keperluan ini mendorong tingkah laku manusia. Teori ini adalah sebuah teori yang menggambarkan tingkah laku yang dipilih sentiasa dipengaruhi oleh hal-hal yang wujud di sekeliling kita. Secara umumnya, tingkah laku kita adalah didorong oleh 5 keperluan asas iaitu, keperluan untuk kelangsungan hidup, kasih sayang dan rasa dimiliki (sense of belonging), kebebasan, kegembiraan dan kuasa (Justice 2003).

Kelangsungan Hidup

Bagi aspek keperluan untuk terus hidup adalah termasuk kecukupan bekalan makanan, pakaian, tempat perlindungan, keselamatan diri yang terjamin, keinginan seks dan keamanan hidup berkeluarga. Keperluannya umum, universal, dan semula jadi. Keperluan asas dipenuhi melalui gambaran yang sangat spesifik mengenai orang, tempat, nilai, kepercayaan, dan perkaraperkara yang menurut kami memuaskan, yang disebut Glasser (1998) sebagai gambar dunia yang berkualiti. Semua tingkah laku dihasilkan dalam usaha untuk memenuhi keperluan kita melalui pencapaian gambar dunia yang berkualiti.

Kasih sayang dan rasa dimiliki

Manakala keperluan psikologi pula adalah termasuk kasih sayang dan rasa dimiliki (sense of belonging), kebebasan, kegembiraan serta kuasa. Kasih sayang yang diperlukan adalah untuk menjadikan mereka bertujuan untuk hidup di mana ianya meliputi rasa kerapatan dan keterikatan yang membentuk struktur keluarga. Keperluan kasih sayang dan rasa dimiliki ini termasuklah intimasi antara manusia, mendapat belas kasihan, empati, rasa memiliki tempat di dunia, sebahagian daripada komuniti, rasa diterima dan jauh dari penolakan, perhatian dan berkongsi kasih dan sayang.

Kuasa

Kuasa untuk membuat keputusan dan menentukan tindakan juga dinyatakan sebagai keperluan dalam teori ini. Kuasa ini boleh difahami dengan keupayaan untuk mengawal sesuatu perkara dalam lingkungannya. Segala keputusan, diputuskan tanpa pengaruh dan arahan lain.

Kebebasan

Keinginan untuk bebas melakukan sesuatu yang disukai dan menjalani kehidupan dengan cara sendiri juga merupakan keperluan seseorang manusia. Kebebasan dalam erti kata merdeka, tidak dikuasai pihak lain serta tidak takut pada sebarang ancaman. Keperluan ini dianggap tidak dipenuhi jika seseorang individu itu tidak bebas melakukan aktiviti yang ingin dilakukan, terikat dengan suruhan atau arahan orang lain semata-mata.

TATAKELOLA KAJIAN

Bahan Teks Kajian

Dalam kajian ini, terdapat tiga (3) teks cerita jenaka yang menepati ciri-ciri kesusasteraan jenaka sebagaimana yang dijelaskan. Karya Pak Pandir, Musang Berjanggut dan Si Luncai adalah antara cerita jenaka / cerita jenaka Melayu atau bahan kesusasteraan jenaka yang diperoleh menerusi cerita-cerita lisan zaman silam (Mohd Taib Osman, 1970). Terbitan yang diangkat ini adalah berdasarkan naskhah himpunan Sir R.O Winstedt dan A. J Sturrock yang dulunya diterbitkan oleh Methodist Publishing House, Singapura pada tahun 1908. Kisah yang berunsurkan kecindan ini diterbitkan semula pada tahun 1963 sebanyak 11 kali oleh Oxford University Press dan diikuti edisi kedua dengan ejaan baharu oleh Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd pada tahun 1970.

Menurut buku *Cerita Jenaka Melayu* susunan Hassan Ahmad pada tahun 2007, ianya adalah berkisarkan dua (2) watak utamanya iaitu Pak Pandir sebagai suami dan Mak Andeh sebagai isteri di samping beberapa watak lain yang membantu pembinaan plot. Secara keseluruhannya, Pak Pandir mempunyai 20 plot cerita yang ditonjolkan penulis. Teks kedua yang dijadikan bahan kajian ini adalah teks Si Luncai. *Cerita jenaka Si Luncai* mempunyai 14 plot cerita yang ditonjolkan oleh penulis. Menurut buku *Cerita Jenaka Melayu* susunan Hassan Ahmad pada tahun 2007, ianya adalah berkisarkan watak utamanya iaitu Si Luncai, seorang individu miskin tetapi bercita-cita mengahwini puteri raja. Manakala teks ketiga yang dipilih sebagai bahan kajian ialah teks *Musang Berjanggung*. *Cerita Musang Berjanggung* mempunyai 43 plot cerita yang ditonjolkan oleh penulis. Menurut buku *Cerita Jenaka Melayu* susunan Hassan Ahmad pada tahun 2007, ianya adalah berkisarkan dua (2) watak utamanya iaitu Kamalul Arifin dan isterinya Dang Seri Arif Laksana.

Kisah ini adalah berlatar belakangkan kebijaksanaan dan kelebihan Kamalul Arifin yang mencari jodoh perempuan yang bijak. Dang Seri banyak menggunakan kebijaksanaannya untuk menangkis kejahatan Orang-orang Istana yang berniat serong terhadapnya semasa ketiadaan suaminya. Timbul persoalan apakah yang sebenarnya mempengaruhi tingkah laku watak dan bagaimana cara untuk memahaminya dari perspektif psikologi, justeru satu kajian perlu dijalankan bagi memahami hal ini menerusi pendekatan objektif, penilaian sebab akibat dan akhirnya menjustifikasi stereotaip terhadap watak cerita jenaka.

Kaedah Kajian

Hasrat untuk melihat bagaimana keadaan sebenar yang mendorong tingkah laku watak dan bagaimana psikologi itu benar-benar berfungsi secara praktikal dalam memahami watak dalam konteksnya menjadi asas metodologi kajian. Kajian ini adalah kajian yang bersifat kualitatif. Cirian empirikal pada kajian, diterapkan menerusi kaedah data diperoleh daripada beberapa buah teks terpilih dan diuji secara sistematik.

Secara umumnya, kajian ini dimulai dengan pengenalanpastian teks yang sesuai sebagai sumber data primer. Teks-teks cerita jenaka Melayu yang dipilih dalam kajian ini ialah Pak Pandir, Si Luncai dan *Musang Berjanggung*. Ketiga-tiga sumber data primer kajian dicerakinkan dalam bentuk senarai plot-plot cerita bagi tujuan perbandingan dengan disiplin psikologi dan persekitaran. Seterusnya, data yang mempunyai faktor pilihan dan pembuatan keputusan oleh watak serta faktor persekitaran dalam teks ini dikeluarkan, diparafrasa dan disusun mengikut susunan plot cerita sebagai data deskriptif kajian bagi tujuan analisis dan perbincangan.

Memerihal Data (Deskriptif)

Di peringkat awal, data dikeluarkan daripada teks cerita jenaka Melayu. Dalam kajian ini, proses memerihalkan data teks sebagai data primer adalah menggunakan kaedah sistesis naratif teks. Kaedah sintesis naratif teks, digariskan dan mempunyai proses pengekstrakan data secara standard dan berformat di mana pelbagai pemboleh ubah yang diperlukan kajian dapat diambil daripada setiap teks yang dipilih. Fasa sintesis pula akan menggabungkan dan menyemak silang secara rentas ke atas ketiga-tiga teks kajian.

Naratif Sintesis Teks' merujuk kepada pendekatan tinjauan sistematik dan menyepadukan penemuan daripada pelbagai kajian yang bersumberkan teks. Dalam kajian ini, kaedah ini digunakan untuk meringkas dan menjelaskan taburan data daripada teks yang dikaji. Bagi merealisasi pendekatan analisis kandungan tekstual dalam kajian ini, data deskriptif kajian perlu tersedia untuk dianalisis secara sistematik berdasarkan pemboleh ubah kajian.

Bagi melaksanakan kaedah ini secara sistematik, data primer diproses secara deskriptif. Proses ini berjalan secara berperingkat mengikut langkah-langkah tertentu. Jadual 3.4 memaparkan empat (4) langkah yang perlu diikuti bagi menyempurnakan kaedah yang dipilih. Berikut ialah langkah pengendalian kaedah naratif sintesis teks (deskripsi) yang dilaksanakan dalam kajian ini.

Jadual 1 Prosedur Kaedah Sintesis Deskriptif

Langkah	Perincian
1	Pengenalpastian faktor kajian
2	Pemilihan dan Penyisihan Plot Cerita
3	Pengekstrakan Data
4	Penilaian ketepatan kualiti data

Langkah pertama ialah mengenalpasti faktor pemboleh ubah kajian. Dalam kajian ini, faktor yang akan dikaji adalah watak. Watak dipilih kerana faktor ini adalah antara faktor penting dalam sesebuah karya sastera. Pemilihan faktor ini berfungsi untuk menentukan data yang dipilih dan disaring dalam langkah yang seterusnya.

Langkah yang kedua ialah pemilihan dan penyisihan plot cerita. Dalam menjalankan langkah ini, semua plot cerita daripada setiap teks dicerakinkan, dikeluarkan dan disusun. Bagi kajian ini khususnya, bahagian pertama adalah mengasingkan plot-plot cerita yang memuatkan faktor pilihan, pembuatan keputusan dan tindakan oleh watak. Bahagian kedua pula, plot-plot yang mengandungi faktor persekitaran yang mempengaruhi pembuatan keputusan dan pilihan watak turut dipilih dan yang faktor yang tidak berkenaan akan disisih bagi memudahkan analisis data di peringkat seterusnya.

Sebaik langkah 1 dan 2 selesai dijalankan, langkah ketiga perlu diambil perhatian. Di peringkat ini, setelah plot-plot cerita disaring, dipilih dan dicerakinkan kepada plot yang menggambarkan pertimbangan watak dan plot yang memuatkan faktor persekitaran, data kajian seterusnya akan diekstrak. Plot-plot bagi ketiga-tiga teks iaitu Pak Pandir, Si Luncai dan Musang Berjanggut, diparafrasa dan disusun dengan jelas sebagai sekumpulan data deskriptif. Data yang diekstrak inilah yang akan dianalisis dengan kaedah analisis tematik diduktif yang akan diterangkan dalam bahagian seterusnya.

Bagi melengkapkan kaedah naratif sintesis (deskripsi), langkah keempat akan dijalankan bagi menilai dan memastikan kualiti ketepatan data primer kajian. Data ini akan dipadankan semula dengan teks bagi menyemak dan memastikan tiada plot cerita yang tertinggal. Selain itu, langkah akhir ini juga sebagai semak silang bagi menentukan setiap plot dalam kategori pertimbangan watak dan persekitaran adalah tepat dan memadai. Sekiranya masih ada data tercicir dikenalpasti, maka Langkah 1 hingga 3 akan diulang kembali sehingga semua data primer dapat disusun dalam plot-plot cerita yang jelas dan lengkap.

Setelah diperihalkan secara deskriptif, data kajian seterusnya akan dianalisis bagi menjawab persoalan kajian dan menguji hipotesis sekaligus menjawab objektif kajian yang digariskan. Bagi tujuan analisis data secara mendalam dan mengembangkan maknanya, kaedah analisis tematik dipraktikkan. Bahagian ini akan menjelaskan prosedur kaedah analisis tematik yang diaplikasi ke atas data deskriptif yang telah tersedia.

Kefleksibelan dan keluasan fungsi analisis tematik ini turut diperkatakan dalam kajian-kajian yang melibatkan pelbagai rekabentuk kajian dan kaedah pengumpulan data yang berbeza-beza termasuklah temubual separa berstruktur, temubual kumpulan fokus, dan beberapa kaedah lain yang melibatkan interaksi dengan responden secara langsung (McArdle, McGale & Gaffney, 2012). Ini adalah kerana kaedah ini tidak tergantung kepada data objektif (tinjauan soal selidik) semata-mata.

Analisis tematik berupaya untuk meneliti pengalaman manusia berkaitan dengan suatu isu, faktor dan proses yang mendasari dan mempengaruhi fenomena tertentu. Dalam kajian ini khususnya, analisis ini juga dapat mengenal pasti corak dalam amalan atau tingkah laku individu (yang dikaji) berdasarkan pandangan dan perspektif responden atau seseorang terhadap pemboleh ubah yang dikaji. Dalam kajian ini, data yang diekstrak disusun dalam bentuk plot cerita dapat disusun, dikelompokkan mengikut konstruk faktor pertimbangan watak dan persekitaran teks secara sistematik dan objektif.

Tambahan, kaedah analisis tematik ini juga digunakan dalam membandingkan data primer dengan beberapa faktor dalam kerangka teori secara serentak dengan mengenal pasti, menganalisis dan melaporkan kesamaan corak (tema) dalam data yang dikaji. Tema yang dibangunkan akan memberikan penjelasan yang luas tentang topik yang dikaji dan memperlihatkan corak taburan data, kecenderungan data, keutamaan tema serta intepretasi yang mendalam tentang data kajian.

Dengan mengandaikan dan mempertimbangkan kesesuaian kaedah ini dalam meneliti data kajian, maka data yang diperoleh daripada kaedah pengumpulan data yang dibincangkan sebelum ini digunakan bagi melihat keunikan cerita jenaka Melayu dari aspek psikologi. Setiap faktor yang terdapat dalam cerita jenaka harus diperhatikan. Pencerita memasukkan pelbagai faktor bagi menghidupkan cerita yang disampaikan. Analisis tematik dalam bidang psikologi masih agak kurang digunakan secara meluas, jarang diketahui dan sangat kurang diperlihatkan. Namun, kaedah analisis tematik ini adalah satu pendekatan yanga fleksibel dan mesra teori dalam menganalisis data kualitatif bidang psikologi (Braun & Clarke, 2016).

Jadual 2 Prosedur Kaedah Analisis Tematik

Langkah	Perincian
1	Pelaziman dengan data kajian
2	Membentuk kod-kod khusus
3	Menyuaipadankan kod dengan tema
4	Menyemak kesesuaian / ketepatan tema
5	Menentukan corak taburan tema / menamakan tema baru
6	Melaporkan penemuan


Bagi membaca faktor pertimbangan dalam teks kajian, Teori Pilihan William Glasser 1996 akan digunakan sebagai bandingan disiplin psikologi. Keempat-empat faktor penting penentuan pilihan yang dinyatakan dalam teori ini akan dibandingkan dengan data deskriptif kajian. Antara faktor yang dibandingkan ialah faktor kelangsungan hidup, faktor kasih sayang dan rasa dimiliki (sense of belonging), faktor kebebasan, faktor kegembiraan dan faktor kuasa.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Proses eksternalisasi ini berhasil mengekstrak dan mengasingkan faktor-faktor yang mendorong pertimbangan watak menerusi kaedah Sintesis Naratif Teks dengan berbantuan perisian Atlas Ti. Di dalam tahapan eksternalisasi yang dianjurkan Terapi Naratif ini, elemen pertimbangan diasingkan bagi mengenalpasti pemboleh ubah bebas kajian. Seterusnya, kodkod umum diwujudkan bagi mengekstrak setiap elemen pertimbangan watak dalam teks dan faktor umum yang menjadi landasan pertimbangan. Tahapan ini bersifat deskriptif di mana kekerapan kod umum yang mewakili faktor pertimbangan direkodkan dan dikenal pasti. Pengasingan kod umum

ini juga membantu huraian data yang seterusnya dikelompokkan mengikut tema-tema yang dikonstruksi semula berdasarkan domain-domain teori psikologi yang dibandingkan.


Bagi menganalisis data yang telah diperoleh, data seterusnya dianalisis dalam tahapan konstruk semula (re-construct) dalam Terapi Naratif. Bahagian seterusnya akan menghurai proses pengelompokan kod umum ke dalam domain-domain pertimbangan yang dikaji. Data kajian ini dikelompokkan ke dalam domain-domain Teori Pilihan Glasser bagi melengkapkan langkah *re-construct* yang dilaksanakan dalam Terapi Naratif. Namun, kajian ini hanya akan melaporkan pengelompokan kod umum mengikut domain kuasa dalam Teori Pilihan Glasser. Bagi membolehkan proses ini berlangsung ke atas data kualitatif, kaedah analisis tematik dimanfaatkan dengan berbantuan perisian Atlas Ti. Paparan pengelompokan kod umum kepada tema kuasa yang diangkat sebagai domain pertimbangan watak dalam kajian ini adalah berdasarkan setiap teks yang dikaji iaitu teks *Pak Pandir* (PP), *Si Luncai* (SL) dan *Musang Berjanggut* (MB).



2

Rajah 2. Pengelompokan kod umum bagi domain kuasa dalam teks-teks kajian.

Dapatan kajian ini akan menghuraikan dengan lebih terperinci mengikut domain yang tertinggi iaitu domain kuasa. Untuk memahami pertimbangan watak cerita jenaka Melayu yang terpilih dalam kajian ini, faktor kuasa turut diperhatikan. Menariknya, kajian ini berhasil menemui domain kuasa sebagai tema atau domain pertimbangan yang paling dominan dalam mempengaruhi pertimbangan watak. Bagi menghuraikan domain kuasa, terdapat tujuh (7) kod umum dianalisis termasuk kehambaan, kehebatan, kekayaan, darjat, kepimpinan, kepatuhan dan kuasa. Bagi mengupas domain kuasa dengan lebih lanjut, Rajah memaparkan jumlah kutipan bagi setiap pecahan faktor di bawah domain kuasa.



Rajah 3. Domain kuasa dalam mempengaruhi pertimbangan watak.

Dapatan bagi domain kuasa dapat dilihat dan dihuraikan dengan lebih terperinci dalam contoh-contoh kutipan daripada teks kajian. Jadual-jadual yang dipaparkan di bawah domain kuasa menghuraikan setiap faktor yang diwakili kod umum. Perbincangan dapatan dimulakan dengan huraian faktor darjat, kepatuhan, kuasa, seterusnya diikuti kehebatan, kepimpinan, kehambaan dan kekayaan.

Darjat

Dalam domain kuasa, dapatan menunjukkan bahawa darjat mencatatkan kutipan data sebanyak 52 kutipan. Ia merangkumi 8 kutipan dalam teks *Pak Pandir*, 7 dalam tek *Si Luncai* dan 37 kutipan dalam teks *Musang Berjanggut*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa darjat adalah kod yang paling banyak dikumpulkan. Darjat ini merujuk kepada kedudukan seseorang dalam masyarakat. Sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini, struktur strata dalam hirarki sosial masyarakat Melayu adalah jelas. Masyarakat Melayu hidup dalam sistem sosial yang mementingkan hubungan sesama manusia berdasarkan hirarki yang terdiri daripada keluarga, masyarakat dan pemimpin (Seri Lanang Jaya Rohani et al. 2013). Faktor darjat ini akan dihuraikan dengan lebih mendalam menerusi contoh-contoh kutipan dalam Jadua 31 :

Teks	Kutipan
Pak Pandir	Telah sudah, Pak Pandir pun berseru dengan nyaring suaranya, demikian bunyinya: "Padam damar, padam pelita; Raja Mambang hendak turun!" Hingga tiga kali berturut-turut demikian bunyinya juga. Maka kedengaranlah kepada inang pengasuh puteri ^o baginda itu yang bernama Tuan Puteri Dang Lela. Maka segeralah dipersembhkannya kepada baginda. Maka titah baginda, "Jikalau demikian bersedialah kamu sekalian, aku hendak mengambil Raja Mambang itu akan menantuku, kerana aku pun telah berniat dari dahulu hendak bermenentukan dia."
Si Luncai	Ada suatu doa diamalkan, nescaya tampaklah apa-apa hal paduka ayahanda bonda itu dengan kemudahannya. Tetapi jikalau barang siapa tiada tampak, harapkan diampuni ke bawah duli, alamat besarlah padahnya mereka itu; iaitu telah terjumlah mereka bukannya daripada anak halal. Maka doa itu pun patik dapat dengan berkat pengajaran paduka ayahanda juga mengajar patik. Maka adapun hal patik apabila patik rindu akan orang tua patik, maka patik bacalah doa itu, nescaya tampaklah apa-apa halnya di dalam kubur, serta sekalian isi negeri akhirat itu. Hatta, setelah didengar oleh baginda serta sekalian yang mengadap itu, masing-masing pun menerimalah pada akal nya serta dengan percayanya. Maka sabda baginda, "Hai malaikat Si Luncai, aku bertempohlah tujuh hari hendak membuat bangun-bangunan itu!" Maka sembah Si Luncai, "Tuanku, daulat beribu-ribu daulat, seperti titah itu patik junjunglah."
Musang Berjanggal	Maka baginda pun menyuruh memanggil Kamalul Arifin kepada seorang bentaranya; maka bentaranya pun menyembah bermohon, lalulah pergi mendapatkan Kamalul Arifin. Maka bentara pun sampailah ke rumahnya, lalu memberi hormat. Maka seraya ditegur oleh Kamalul Arifin, "Apa khabar, Datuk?" Jawab bentara itu, "Sahaya datang dititahkan tuanku persilakan ke balai penghadapan." Telah didengar oleh Kamalul Arifin, maka ia pun bersiap lalu bermohon kepada isterinya lalu turun berjalan bersama-sama dengan Datuk Bentara. Seketika lagi sampailah ke balai penghadapan, maka Kamalul Arifin naik menyembah menjunjung duli, mengangkat kadam jari sepuluh, lalu duduk di hadapan baginda.

Sub domain darjat juga mempengaruhi pertimbangan seseorang untuk menurut dan patuh kepada seseorang yang dipandang tinggi dalam hirarki sosialnya. Hal ini dapat dilihat menerusi teks *Pak Pandir* iaitu dalam plot 18, di mana baginda Tuanku mementingkan darjat dalam menentukan jodoh anakandanya Tuan Puteri Dang Lela. Berdasarkan reaksi inang dan baginda Tuanku, dapat disimpulkan bahawa Raja Mambang adalah gambaran suatu makhluk luar biasa yang diketahui namanya oleh penduduk yang hidup zaman itu.

Pak Pandir yang melayang diterbangkan burung juga memilih untuk mengaku sebagai Raja Mambang, menunjukkan bahawa golongan istana akan memandang tinggi seorang yang bernama Raja Mambang. Keinginan dan hasrat bagianda tuanku untuk menjodohkan anakandanya dengan Raja Mambang turut menjelaskan taraf kedudukan Raja Mambang adalah setara dengan kedudukan keluarga Diraja malah mungkin jauh lebih tinggi darjatnya. Justeru, pertimbangan baginda Tuanku untuk layanan istimewa yang disediakan oleh pihak istana kepada Pak Pandir selayaknya kerana darjat Raja Mambang yang diakuinya.

Pengaruh darjat dalam pertimbangan watak juga dapat dilihat menerusi plot 10, di mana arahan Si Luncai dituruti kerana Tuanku Raja dan para Menteri. Malahan mereka mengiktiraf darjat Si Luncai yang serba tahu tentang kehidupan syurga sebagai malaikat. Dalam agama Islam, Malaikat adalah makhluk suci yang hanya hidup di alam ghaib dan sememangnya diketahui datang dari alam syurga. Justeru, menyamakan watak Si Luncai adalah tindakan memuliakan seseorang tanpa mengenang dan mengambil kira pengalaman lepas mereka dalam menangani Si Luncai. Dapatan berkaitan kupasan darjat dalam plot ini juga menunjukkan darjat keturunan dan kekerabatan. Tuanku Raja dan para Menteri memilih untuk menipu dan mengakui apa yang dikatakan oleh Si Luncai bagi mengelakkan penghinaan status 'anak haram'. Sekali lagi, dapatan kajian ini memperakui bahawa darjat keturunan adalah sangat dititik beratkan dalam masyarakat Melayu.

Kutipan ini juga memperlihatkan watak individu-individu yang berkedudukan tinggi dalam hirarki masyarakat juga bertindak mengetepikan kuasa dan kedudukan mereka lantaran akur dengan darjat yang mulia dan tinggi dalam agama. Ternyata, dalam masyarakat Melayu, kedudukan darjat di sisi agama mengatasi kedudukan mengikut hirarki masyarakat lantaran kedekatan hubungan manusia dengan tuhan dan perbezaan dunia dan kehidupan lebih hakiki di alam selepas kematian. Keutamaan mengangkat nilai darjat dalam meletakkan kepercayaan kepada seseorang adalah proses pertimbangan yang mewajarkan tindakan seseorang individu.

Manakala, dalam teks *Musang Berjanggal*, data berkaitan sub domain darjat pula dapat dilihat menerusi kutipan daripada plot 14. Hirarki dalam sistem kerajaan di negeri Askalan Rum diperlihatkan melalui aturan kedudukan watak-watak dengan jelas. Kedudukan baginda Sultan adalah yang tertinggi dalam pentadbiran istana. Datuk Bentara adalah orang kanan di istana, namun caranya memberi hormat kepada Kamalul Arifin menunjukkan kedudukan anakanda *buperi* atau anak angkat Raja adalah lebih tinggi darjatnya.

Konsep darjat turut diperlihatkan menerusi beberapa penggunaan kata perbuatan yang khas dalam teks yang dikaji.

...sahaya dititahkan tuanku persilakan ke balai penghadapan...

Penggunaan kata *dititahkan* yang seerti dengan diarahkan menunjukkan kedudukan darjat Tuanku Raja adalah sangat tinggi berbanding pembesar dan rakyat biasa. Selain penggunaan kata khas, sub domain darjat juga turut dapat dikesan menerusi adab dan tertib khusus yang dilakukan ketika berjumpa Tuanku Raja. Kutipan di bawah memaparkan tertib yang dihuraikan.

Seketika lagi sampailah ke balai penghadapan, maka Kamalul Arifin naik menyembah menjunjung duli, mengangkat kadam jari sepuluh, lalu duduk di hadapan baginda.

Huraian di atas membuktikan bahawa, dalam beberapa keadaan terutama dalam teks *Musang Berjanggal*, darjat adalah faktor yang banyak mempengaruhi tindakan, tingkah laku dan cara fikir masyarakat Melayu pada ketika itu. Kesantunan berbahasa, keistimewaan nasab keturunan serta kemuliaan makhluk sisi agama menjadi hal yang dipertimbangkan oleh watak dalam cerita dikaji.

Kepatuhan

Dalam domain kuasa, dapatan menunjukkan kod umum kepatuhan mencatatkan data sebanyak 50 kutipan. Ia merangkumi 16 kutipan dalam teks *Pak Pandir*, 5 dalam teks *Si Luncai* dan 29 kutipan dalam teks *Musang Berjanggal*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kepatuhan adalah kod yang kedua tertinggi dikumpulkan. Kepatuhan boleh ditakrifkan sebagai menurut atau mengikut kepada sesuatu arahan, kehendak atau peraturan. Faktor kepatuhan ini akan dihuraikan dengan lebih mendalam menerusi contoh-contoh kutipan dalam Jadual 4 :

Jadual 4 Contoh dapatan faktor kepatuhan di bawah domain kuasa

Teks	Kutipan
Pak Pandir	Kata Pak Pandir, "Ke mana baik kita pergi ini, Andeh?" Maka kata Mak Andeh, "Mari kita naik pelampung terap ini, kita menyeberang ke seberang sungai ini." Maka kata Pak Pandir, "Baiklah, Andeh." Maka keduanya pun naiklah ke atas pelampung itu, langsung menyeberang ke seberang sungai. Telah sampailah keduanya dengan selamat sempurna, lalu berdiam diri di sana.
Si Luncai	Hatta, setelah didengar oleh baginda serta sekalian yang mengadap itu, masing-masing pun menerimalah pada akal nya serta dengan percayanya. Maka sabda baginda, "Hai malaikat Si Luncai, aku bertempohlah tujuh hari hendak membuat bangun-bangunan itu!" Maka sembah Si Luncai, "Tuanku, daulat beribu-ribu daulat, seperti titah itu patik junjunglah."
Musang Berjanggut	Maka kata Paman, "Silakanlah orang muda naik ke teratak hamba yang buruk ini." Maka kata Kamalul Arifin, "Baiklah, bapaku." Maka Kamalul Arifin pun lalulah naik ke rumah Paman, duduk di serambi dengan segala perkakasnya kepada tempt yang disediakan isteri Paman itu.

Dalam landskap masyarakat Melayu yang digambarkan dalam cerita, kepatuhan dan kuasa saling berkait rapat. Sering kali kepatuhan merupakan elemen yang bertimbal balik dengan kuasa dan kepimpinan. Khususnya watak-watak cerita yang bekerja secara langsung dengan istana atau golongan atasan. Ternyata dapatan kajian ini selari dengan pandangan Northouse 2013 dalam kajian Madiawati Mustafa et al. 2020 iaitu golongan yang mempunyai kuasa memiliki keupayaan untuk mempengaruhi kepercayaan, sikap, dan tindakan orang lain.

Menerusi kutipan daripada plot ke 9 dalam teks *Pak Pandir*, peristiwa Pak Pandir dan mak Andeh dikejar gergasi menampakkan kepatuhan Pak Pandir kepada idea Mak Andeh. Dalam keadaan ini, kepatuhan Pak Pandir berlaku kerana beliau sendiri kebuntuan dan tidak tahu apa yang perlu dilakukan dalam keadaan kecemasan itu. Justeru idea untuk menyeberang sungai adalah satu-satunya jalan yang ada dan terbaik buat mereka suami isteri. Justeru, kepatuhan adalah pilihan yang ada bila mana tidak ada alternatif atau pilihan untuk dipertimbangkan lebih mendalam.

Manakala dapatan menerusi kutipan teks *Si Luncai* pula memaparkan kepatuhan yang ditonjolkan oleh watak-watak yang terdiri kepada Tuanku Raja dan pembesar istana kepada Si Luncai dan sebaliknya dalam plot ke 10. Dalam plot ini, menariknya ada dua (2) contoh situasi kepatuhan yang dapat dihuraikan. Menerusi situasi pertama, dapat dilihat Baginda Tuanku dan para pembesar yang ada patuh dan menerima cadangan Si Luncai untuk membina bangunan tinggi bagi membolehkan mereka melihat negara akhirat. Tindakan patuh tanpa persoalan, pertikaian dan bangkangan menunjukkan mereka terpaksa patuh sahaja kepada Si Luncai yang lebih tahu dan arif tentang dunia akhirat yang di luar pengetahuan mereka. Justeru, selain tiada alternatif untuk pertimbangan, kepatuhan juga berlaku apabila yang membuat keputusan itu mempunyai maklumat malahan lebih menguasai ilmu mengenainya. Dalam kajian psikologi sosial, majoriti manusia akan patuh kepada mereka yang berperanan dan berautoriti (Kendra Cherry 2020). Misalnya menurut Breckler, Olson dan Wiggins (2006), pesakit cenderung untuk mematuhi arahan jururawat yang bertugas kerana dipengaruhi oleh karakteristik yang dilihat (pakaian), peranan (jawatan) dan situasi yang dihadapi (sakit/lemah).

Manakala, situasi kedua dalam plot yang sama, dapat dilihat kepatuhan Si Luncai kepada Baginda Raja tentang tempoh yang diperlukan untuk membina bangunan tinggi yang diminta untuk melihat negeri akhirat. Jika dalam situasi 1, Baginda Tuanku patuh kepada Si Luncai tanpa soal kerana percaya Si Luncai lebih arif, namun sebaliknya dalam situasi kedua, Si Luncai pula patuh tanpa soal kepada titah Tuanku kerana tahu dan memperakui posisi Tuanku yang mempunyai kata putus berkaitan urusan kerja yang dititahkan kepada para pembesarnya. Justeru, dapatlah

difahami bahawa manusia cenderung untuk patuh tanpa soal kepada individu yang mempunyai kelebihan dalam informasi, keistimewaan dan autonomi dalam sesuatu perkara. Hal ini selari dengan pandangan Thomas (2001) yang menyimpulkan bahawa kepatuhan adalah tindakan melaksana arahan atau permintaan individu yang mempunyai status lebih tinggi dalam satu-satu hirarki sosial.

Kupasan berkaitan faktor kepatuhan juga dapat difahami menerusi contoh data yang dikutip menerusi plot ke 5 dalam teks *Musang Berjanggut*. Contoh yang ringkas ini memaparkan kepatuhan Kamalul Arifin kepada arahan Paman sewaktu sampai di rumahnya. Kamalul Arifin memilih untuk patuh kepada pelawaan Paman untuk naik ke rumahnya yang serba sederhana kerana arahan itu datang dari tuan rumah yang mempunyai autoriti ke atas rumahnya. Selain itu, Kamalul Arifin patuh kerana arahan itu bertepatan dengan keperluannya yang ingin menumpang bermalam. Kepatuhan yang jelas dengan persetujuan tanpa syarat "...Baiklah, bapaku." menjelaskan keselarian usulan Paman dengan hasrat Kamalul Arifin. Ini menjelaskan kewajaran ketiga bagi tindakan kepatuhan watak dalam teks yang dikaji iaitu seseorang manusia akan patuh tanpa syarat jika perkara yang diterima itu tidak bertentangan dengan kepentingan dirinya. Rumusan yang boleh dibuat bagi faktor kepatuhan adalah manusia akan mengikuti saranan, mempersetujui cadangan, melaksana arahan individu lain apabila ia disampaikan oleh seseorang yang diyakini dan dipercayai. Selain itu, kepatuhan akan berlaku tanpa pertimbangan lanjut bila mana keputusan atau cadangan diusulkan oleh mereka yang lebih berilmu, berpengalaman dan mahir tentang hal tersebut. Malahan, kepatuhan akan berlaku apabila hal itu tidak bertentangan dengan kepentingannya atau diyakini tidak memudaratkannya.

Kuasa / Autoriti

Dalam domain kuasa, dapatan menunjukkan kod umum autoriti juga mencatatkan kutipan data yang signifikan iaitu sebanyak 33 kutipan. Ia merangkumi 12 kutipan dalam teks Pak Pandir, 7 dalam tek Si Luncai dan 14 kutipan dalam teks *Musang Berjanggut*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kuasa bertimbal balik dengan kepatuhan dan beberapa domain kuasa yang lain. Bagi memahami faktor ini, huraian lebih mendalam akan disampaikan bersama contoh-contoh kutipan daripada setiap teks sebagaimana yang dipersembah dalam Jadual 5:

Jadual 5 Contoh dapatan faktor kuasa di bawah domain autoriti

Teks	Kutipan
Pak Pandir	Demi didengar oleh baginda, apatah lagi, murkalah baginda lalu bertitah kepada budak kundangnya menyuruh kuliti kepala Pak Pandir bedebah itu dari tengkuk serkupakan ke mukanya kerana mengaku dirinya Raja Mambang menipu baginda; terlalulah gembiranya baginda. Maka dikerjakanlah oleh budak-budak kundang itu seperti titah rajanya. Masuk mereka ke dalam bilik peraduan tuan puteri menangkap Pak Pandir, ditariknya turun ke tanah. Maka Pak Pandir pun terkejut lalu menangis sambil meneriak Mak Andeh meminta tolong. Maka dikerjakan orang juga seperti titah baginda itu. Telah sudah lalu dibuangkannya Pak Pandir ke dalam hutan. Setelah itu, mereka itu pun pulanglah lalu dipersembahkan kepada baginda segala hal itu.
Si Luncai	Maka baginda pun segeralah menitahkan beberapa orang pandai dan utas perbuati mongkor seperti yang dikatakan oleh Si Luncai itu, hendak sudah pada malam itu juga dengan tiada boleh tidak. Maka dikerjakanlah oleh segala tukang itu pada malam itu juga.
Musang Berjanggut	Paman duduk dekat Kamalul Arifin memakan sirih. Maka Kamalul Arifin segeralah berjabat salam mencium tangan Paman, seraya berkata dengan lemah lembut bunyi suaranya, "Ayuhai ayahanda hamba, Adapun hamba dengan sebesar-besar maksud serta harap dengan sebesar-besar harap,

	<p>rendah gunung tinggilah harap hamba ini. Jikalau ada mudah-mudahan ihsan rahim bapa hamba kepada hamba dagang yang hina gharib miskin, sekiranya pinta perhamba akan pengisip atap itu yang tiris, lantai yang patah, buat mengambil kayu dan penumbuk damar bapa hamba. Maka jikalau tiada bapa hamba sampaikan seperti hasrat hati hamba ini, nescaya berpanjangan kerosakan hati hamba menanggung percintaan."</p>
--	--

12 kutipan data autoriti dikumpulkan dalam kajian ini. Antara contoh faktor autoriti yang dipaparkan dalam teks *Pak Pandir* adalah dalam plot 18. Dalam plot ini, Pak Pandir menerima akibatnya kerana mengaku Raja Mambang sehingga dikahwinkan dengan Tuan Puteri. Akibatnya, Baginda Tuanku menitahkan agar Pak Pandir diseksa dan dibuang ke dalam hutan. Dengan adanya autoriti, Baginda Raja mempunyai kapasiti untuk menjatuhkan hukuman semahunya ke atas Pak Pandir. Dalam teks *Pak Pandir*, hukuman berat dan seksaan itu diletakkan dalam kapasiti seorang Raja. Malahan, sebagaimana dijelaskan sebelum ini, darjat seseorang atau status dalam sosial masyarakat menentukan saiz kapasiti autoriti yang dimiliki.

Dalam plot ini juga memperlihatkan autoriti bertimbal balik dengan kepatuhan. Budak suruhan Raja atau *budak kundang* sesegera mungkin melaksanakan hukuman yang dititahkan ke atas Pak Pandir. Selari dengan watak Raja dalam teks *Pak Pandir*, keputusan mengenakan seksaan ke atas Pak Pandir adalah kerana kuasa yang dimiliki Raja. Raja menitahkan Pak Pandir yang mengaku Mambang disiat kulit kepalanya dan diserkupkan ke muka Pak Pandir, dikerjakan dan kemudian dibuang ke hutan. Hukuman yang berat itu dititah berupa arahan dari seorang yang berkedudukan dan dipatuhi tanpa sebarang bantahan oleh budak-budak kundang yang memberi khidmat setia sepenuhnya kepada Raja.

Kata kerja *titah* juga merupakan indikator bagi autoriti yang dimiliki oleh seorang Raja. Penggunaan kata *titah* seerti dengan suruhan hanya digunakan bagi menjelaskan arahan atau perintah seorang Raja atau pemerintah negara. (<https://prpm.dbp.gov.my/>). Adab orang Melayu dalam menerima arahan Raja adalah dengan menjunjung *titah*. Ini menggambarkan *titah* daripada raja yang berkuasa adalah sesuatu yang utama dan bertanggung di atas batu jemala (kepala) rakyat yang menerima. Ia juga adalah simbolik kepada ketaatan.

Hal ini sebaliknya boleh dihujahkan juga sebagai ketakutan rakyat untuk engkar perintah. Dalam kajian Ding Choo Ming (2012), perihal kuasa Raja ini dijelaskan dengan mendalam. Dengan mengangkat kata-kata atau *titah* raja undang-undang dan baginda Raja juga memutuskan hukuman, maka yang paling ditakuti rakyat adalah raja yang zalim, tidak saksama dan tidak adil. Justeru, dalam sesetengah keadaan kepatuhan rakyat dalam menjunjung *titah* Raja adalah bagi mengelakkan mangsa kepada kezaliman yang amat digeruni dan sebolehnya dielakkan.

Selain contoh yang dikemukakan, dalam banyak keadaan menerusi plot-plot teks *Pak Pandir*, Mak Andeh banyak mengetuai proses pembuatan keputusan dan pengarahannya. Ternyata autoriti datang dengan tanggungjawab dan pengetahuan tentang sesuatu hal. Pengarahannya oleh Mak Andeh menggambarkan autoriti apabila ia melibatkan rutin harian yang memerlukan kemahiran dan pengetahuan lebih dikuasai dan dimiliki olehnya. Keperluan autoriti juga dipaparkan dalam plot 10, di mana Mak Andeh menyarankan agar mereka kembali ke rumah gergasi dan mengambil semua harta milik gergasi yang telah mati dan dibawa pulang. Pertimbangan untuk menguasai harta milik gergasi menggambarkan bahawa Mak Andeh ingin mempunyai kehormatan menerusi harta tersebut dan memiliki hak sepenuhnya ke atas harta yang dibawa pulang. Keperluan ini melengkapkan struktur jalan cerita berkaitan pertimbangan Mak Andeh selaku pemimpin yang dominan dalam karya *Pak Pandir* ini.

Namun, apa juga plot yang menggambarkan tentang keinginan Pak Pandir untuk menunjukkan autoritinya dan dihormati. Dalam plot ke 18, dorongan faktor autoriti telah membuatkan Pak Pandir bertindak menipu raja dan menyamar sebagai Raja Mambang sehingga dikahwinkan dengan Tuan Puteri Dang Lela oleh raja ayahandanya. Selain autoriti, kuasa juga digambarkan dengan keajaiban dan keunikan luar biasa yang dimiliki. Dalam hal ini, Pak Pandir yang muncul di bumbung istana kerana diterbangkan burung dilihat mempunyai kuasa magik atau luar biasa. Justeru, dengan kekaguman orang keliling dengan kuasanya, Pak Pandir lantas mengaku sebagai Raja Mambang yang dikagumi masyarakat ketika itu.

Contoh kutipan dalam teks *Si Luncai* juga memperlihatkan pertimbangan Tuanku Raja menetapkan tempoh menyiapkan mongkor dipengaruhi oleh faktor autoriti yang dimilikinya. Kutipan dalam plot ke 11 teks *Si Luncai* memaparkan Tuanku Raja memaksa agar mongkor kaca yang akan membawanya berjumpa ayah bondanya disiapkan dalam satu malam.

...hendak sudah pada malam itu juga dengan tiada boleh tidak..

Titah perintah yang diucapkan ini menggambarkan unsur paksaan dan ancaman kepada pelaksananya iaitu beberapa tukang pandai (pakar) yang dilantik. Kecenderungan mereka yang mempunyai autoriti untuk menyalahgunakan kuasa demi kepentingan peribadi adalah sesuatu yang wajar dielakkan. Sebaliknya juga, kecenderungan orang sekeliling untuk patuh dan taat membuta tuli secara tidak rasional juga menggalakkan fenomena ini berterusan dan kekal berlangsung. Ternyata, kuasa adalah beban psikologi kepada orang Melayu. Hal ini turut dinyatakan oleh Ding Choo Ming (2012) iaitu berkembang atau tidak kuasa Raja Melayu yang berkuasa mutlak dalam masyarakat feudal dahulu, adalah bergantung kepada timbal balik beberapa faktor iaitu silsilah, keluasan jajahan dan kekukuhan negeri, rakyat dan keupayaannya sendiri.

Seterusnya, dapatan kajian yang diperolehi menerusi teks *Musang Berjanggut* turut menunjukkan faktor autoriti yang mempengaruhi pertimbangan watak. Menerusi plot 7 yang memuatkan peristiwa Kamalul Arifin melamar anak perempuan tunggal Paman untuk dijadikan isteri. Kutipan merakamkan bagaimana tertibnya Kamalul Arifin memohon pertimbangan Paman tentang hajatnya memperisterikan Dang Seri Arif Laksana. Di sini, Kamalul Arifin cukup maklum, bahawa dalam masyarakat Melayu dan Islam khususnya, pemilikan autoriti ke atas seorang anak perempuan adalah seorang bapa yang berperanan sebagai wali yang layak menikahkan anak perempuan. Justeru, bidang autoriti sekali lagi menjadi menjadi syarat dan penentu untuk sesuatu permintaan itu dapat dipenuhi.

Dapat disimpulkan bahawa teks-teks cerita jenaka Melayu yang dikaji merakamkan sisi positif dan negatif pertimbangan watak-watak yang dipengaruhi faktor kuasa. Kapasiti autoriti seorang Raja mempengaruhi pertimbangan seorang Raja dalam memenuhi keperluan dan kepentingan diri dan rakyat. Namun, di pihak rakyat, pertimbangan rakyat juga boleh dipengaruhi oleh kuasa Raja. Titah Raja sebagai undang-undang dan autoriti Raja memutuskan hukuman menjadi sesuatu yang digeruni oleh rakyat. Ini yang menyebabkan kuasa tanpa bendungan dan rasional sentiasa menjadi beban psikologi kepada orang Melayu pada ketika itu. Dalam konteks agama pula, kuasa meliputi tanggungjawab yang digalas dan amanah yang dipikul. Hal ini jelas dipaparkan menerusi autoriti dan tanggungjawab seorang ayah ke atas anak perempuannya.

Kehebatan

Dalam domain kuasa, dapatan menunjukkan kod umum kehebatan juga mencatatkan kutipan data yang signifikan iaitu sebanyak 26 kutipan. Ia merangkumi 4 kutipan dalam teks *Pak Pandir*, 3 dalam tek *Si Luncai* dan 19 kutipan dalam teks *Musang Berjanggut*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kehebatan adalah kelebihan yang dimiliki oleh watak sehingga mampu mempengaruhi pertimbangannya. Kehebatan ini akan membuatkan seseorang kelihatan dan

kedengaran meyakinkan serta dipandang tinggi oleh individu sekeliling. Bagi memahami faktor ini, huraian lebih mendalam akan disampaikan bersama contoh-contoh kutipan daripada setiap teks sebagaimana yang dipersembah dalam Jadual 6:

Jadual 6 Contoh dapatan faktor kehebatan di bawah domain kuasa

Teks	Kutipan
Pak Pandir	<p>Pak Pandir pergi mencari getah kayu lembu jawa ke dalam hutan yang lain. Telah dapat lalu dibawanya pulang ke rumahnya serta dimasaki, dicampur dengan ramuan yang lain. Telah sudah, lalu dimasukkannya ke dalam tabung buluh getah itu. Maka Pak Pandir pun berjalanlah membawa getah setabung bersama dengan puris nyiur secekak, masuk ke dalam hutan mencari tempat yang banyak burung hinggap. Ada seketika bertemulah Pak Pandir sepohon ara yang terlalu rendang serta dengan lebat buahnya sedang masak. Maka banyaklah sekalian burung-burung berhimpun memakan buah itu. Maka terlalulah sukacita Pak Pandir, seraya ia berfikir, "Sekali ini paksa tekukulah mendapat padi rebah. Tak dapat aku makan ikan tak usahlah, asalkan aku kenyang makan burung pula sudahlah.' Maka Pak Pandir pun segeralah memanjat pohon ara itu, menahan getah pada segenap dahan dan ranting pohon itu. Setelah sudah, ia pun turun bersembunyikan dirinya. Ada seketika, datanglah beberapa bangsa kawan burung hinggap ke pohon itu memakan buahnya. Maka terkenallah pada getah Pak Pandir, ada yang kena pada kakinya, ada yang pada sayapnya, berbagai-bagai lalu jatuh ke tanah.</p>
Si Luncai	<p>Ada suatu doa diamalkan, nescaya tampaklah apa-apa hal paduka ayahanda bonda itu dengan kemudahannya. Tetapi jikalau barang siapa tiada tampak, harapkan diampuni ke bawah duli, alamat besarlah padahnya mereka itu; iaitu telah terjumlah mereka bukannya daripada anak halal. Maka doa itu pun patik dapat dengan berkat pengajaran paduka ayahanda juga mengajar patik. Maka adapun hal patik apabila patik rindu akan orang tua patik, maka patik bacalah doa itu, nescaya tampaklah apa-apa halnya di dalam kubur, serta sekalian isi negeri akhirat itu." Hatta, setelah didengar oleh baginda serta sekalian yang mengadap itu, masing-masing pun menerimalah pada akalanya serta dengan percayanya. Maka sabda baginda, "Hai malaikat Si Luncai, aku bertempohlah tujuh hari hendak membuat bangun-bangunan itu!" Maka sembah Si Luncai, "Tuanku, daulat beribu-ribu daulat, seperti titah itu patik junjunglah."</p>
Musang Berjanggut	<p>Maka kata Dang Seri Arif Laksana, "Ayuhai kakanda, kepada fikiran adinda janganlah kakanda berjalan seperti yang dititahkan baginda itu. Maka bolehlah kakanda buat para kecil dinding kedam-kedam dengan kain buruk di atas tempat tidur kita ini. Maka kakanda berbanyak sabar lihatkan kekayaan Allah Subhanahu wa Ta'ala melakukan kudrat di atas hambanya; janganlah kakanda marahkan adinda barang siapa datang ke rumah ini, kerana kepada fikiran adinda baginda itu hendak memandukan hati adinda, kerana kakanda konon khabarnya daripada cakap kakanda tiada mahu beristerikan orang betina, hendak mencari orang perempuan. Maka inilah adinda fikir barangkali hendak dipandu oleh baginda itu; jikalau begitu, baiklah kakanda suruhkan orang ini berjalan semuanya supaya jangan pecah rahsia kita, takut kedengaran kepada baginda pula."</p>

Dapatan kajian menunjukkan sedutan daripada plot 17 tentang salah satu kehebatan Pak Pandir berkaitan dengan kemahiran menjerat burung. Huraian terperinci tentang proses penghasilan getah penjerat burung menyerlahkan kepakaran Pak Pandir tentang kerja-kerja berkaitan. Kecekapan Pak Pandir mengenal jenis pokok yang menjadi tumpuan burung pula menjelaskan ketelitian kerja Pak Pandir. Pertimbangan yang didasari kehebatan watak ternyata membuahkan hasil yang lumayan. Justeru, kehebatan seseorang dalam sesuatu hal akan mempengaruhi pertimbangannya

dalam bertindak dengan efektif. Dalam masa yang sama, dapatan ini turut memperlihatkan proses penilaian alternatif yang dipertimbangkan oleh Pak Pandir setelah usaha menahan lukah dalam plot ke 14 terpaksa diberhentikan meskipun sangat berhasil lantaran ancaman bahaya Tok Tok Kai. Proses penilaian alternatif ini melibatkan dua bentuk kehebatan yang dimiliki oleh Pak Pandir iaitu kepakaran menahan lukah ikan di sungai serta kepakarannya menjerat burung di atas pokok. Ternyata, kehebatan yang dimiliki watak sangat membantu proses pertimbangan yang dilakukannya.

Dapatan daripada teks *Si Luncai* pula memaparkan kehebatan Si Luncai yang diperaku Tuanku dan pembesar istana. Kehebatan Si Luncai terselah menerusi gambaran dunia akhirat yang disampaikan penuh yakin. Kehebatan Si Luncai ini tidak dapat disangkal kerana tiada manusia yang berpengalaman ke negeri akhirat. Justeru, tiada ruang untuk membangkitkan pertikaian mahupun penafian terhadap kehebatannya. Ternyata ukuran hebat adalah prestasi luar biasa atau pencapaian yang dasyat melebihi kadar pencapaian yang biasa ditunjukkan orang lain (<https://prpm.dbp.gov.my/>). Timbang tara hebat terhadap Si Luncai adalah kerana ilmunya tentang negeri akhirat yang luar biasa, doa-doa khusus yang menggambarkan Si Luncai mendapat kelebihan ilmu luar biasa serta kemampuannya melihat perkara yang ghaib iaitu hal yang tidak terlihat oleh mata kasar dan tak terjangkau dek akal manusia biasa. Malahan, kehebatan Si Luncai turut dimuliakan dan diberikan jolokan nama Malaikat Luncai oleh para pembesar.

Dapatan menarik turut ditemui dalam teks *Musang Berjanggal*. Kehebatan akal yang dimiliki oleh watak Dang Seri Arif Laksana dalam membaca gerak geri dan perlakuan individu lain ternyata menjadi asas pertimbangan yang berkesan. Ideanya yang berkualiti berjaya menahan suaminya Kamalul Arifin daripada masuk ke hutan bergadai nyawa untuk mencari Musang Berjanggal. Plot 14 dan 15 dalam teks *Musang Berjanggal* memperlihatkan helah Tuanku Raja berjaya dipatahkan oleh kehebatan Dang Seri Arif Laksana. Pertimbangan Kamalul Arifin untuk menerima cadangan isterinya ternyata kerana kehebatan isterinya yang diakui sejak dulu lagi. Saranan isterinya agar dia bersabar adalah kerana berpegang kepada kehebatan tuhan yang berkuasa menunjukkan segala yang benar. Kehebatan makhluk dan tuhan Maha pencipta menjadikan pertimbangan mereka suami isteri dapat diputuskan dengan baik dan keputusan dilaksanakan secara bersama.

Dapatan-dapatan ini membuktikan bahawa kehebatan adalah faktor yang turut membentuk domain kuasa dalam mempengaruhi pertimbangan watak. Keyakinan, kepercayaan dan kebergantungan adalah berlandaskan kehebatan yang ditonjolkan oleh watak-watak yang terlibat. Keberanian mencuba sesuatu hal juga adalah menerusi pengalaman luar biasa yang dilalui oleh watak.

Kepimpinan

Dalam domain kuasa, dapatan menunjukkan kod umum kepimpinan juga mencatatkan kutipan data yang signifikan iaitu sebanyak 22 kutipan. Ia merangkumi 9 kutipan dalam teks *Pak Pandir*, 2 dalam tek *Si Luncai* dan 11 kutipan dalam teks *Musang Berjanggal*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kepimpinan adalah kompetensi yang diperlukan oleh seseorang yang mempunyai status dalam masyarakat selain mekanisme memainkan peranan kuasa. Bagi memahami faktor ini, huraian lebih mendalam akan disampaikan bersama contoh-contoh kutipan daripada setiap teks sebagaimana yang dipersembah dalam Jadual 7:

Jadual 7 Contoh dapatan faktor kepimpinan di bawah domain kuasa

Teks	Kutipan
Pak Pandir	<p>Setelah musta'id sekaliannya, maka kata Mak Andeh, 'Pergilah awak segera menjemput haji dan lebai, kita berkenduri.'</p> <p>Baiklah, pergi pula anggil Datuk Keramat Jin ke mari, tetapi baik-baik, jalan itu simpangnya dua.</p> <p>Maka kata Pak Pandir, "Pergilah Andeh bawakan sekalian buah-buahan dan tebu pisang, ubi keladi dan korek kuburnya, masukkan supaya dimakan olehnya." Maka ujar Mak Andeh, "Bukannya demikian. Adapun orang mati itu, bukan dia berkehendakkan makan lagi, hanya yang boleh kita tolongi dengan kenduri, iaitu meminta doa kepada Allah Ta'ala barang dianugerahNya akan mereka itu tempat yang kebajikan." Kata Pak Pandir, "Kalau begitu, apa tahu oleh Andeh, buatlah. Aku tak tahu."</p>
Si Luncai	<p>Maka bermesyuaratlah sekalian orang besar-besar menabalkan Tuan Puteri Lela Kendi ganti ayahandanya memerintahkan negeri, dipangku oleh Mamanda Perdana Menteri menjalankan hukuman seperti istiadat yang dijalankan oleh ayahanda baginda dahulu dengan adilnya. Maka sangatlah sukacita Tuan Puteri Bongsu oleh puterinya menjadi maharani itu. Maka keduanya pun berbuat amal ibadat akan Allah Ta'ala pada setiap-tiap waktu serta tiadalah mahu keduanya bersuami lagi.</p>
Musang Berjanggut	<p>Tetapi, jikalau anakanda tiada dapat orang perempuan itu, apabila anakanda balik ke dalam negeri ini, tentulah ayahanda bunuh. Kerana anakanda menurunkan maruah sekalian perempuan di dalam negeri serta pula berbohong kepada khalayak majlis raja-raja, menteri hulubalang sekalian ini."</p>

Pemimpin terlibat dengan pelbagai tanggungjawab dan keputusan, maka mereka juga ada keperluan untuk membuat pertimbangan (Muhamad Said Awang dan Zulhamri Abdullah 2012). Pertimbangan seorang pemimpin adalah bergantung kepada timbang tara (rasional), pengalaman dan pengetahuan mereka (Kakabadse & Davis 2009; Kakabadse 2009). Selain itu, pertimbangan membuat keputusan seorang pemimpin pastinya dipengaruhi oleh faktor pendorong yang berlaku di sekelilingnya. Kepimpinan sentiasa wujud dalam hirarki sosial di setiap peringkat termasuklah keluarga, kelompok masyarakat, dan pentadbiran negara.

Teks *Pak Pandir* menunjukkan data pertimbangan yang dipengaruhi kepimpinan di peringkat keluarga, hirarki mesyarakat dan di peringkat negara. Dalam skop kepimpinan negara, kepimpinan terpapar menerusi jawatan-jawatan pentadbiran yang dipegang oleh watak-watak dalam istana. Antaranya ialah Tuanku Raja, Tuan Puteri Bongsu dan Perdana Menteri. Gambaran kepimpinan masyarakat dilatari fungsi dan peranan setiap jawatan yang dinyatakan. Selain itu, ada jawatan yang tidak muncul secara jelas, namun kedudukan mereka dalam masyarakat, keutamaan mereka dalam majlis-majlis agama dan budaya menjelaskan fungsi kepimpinan mereka seperti watak Tok Syeikh Keramat, Lebai dan Pak Haji.

Data kutipan yang diperolehi menerusi plot 6 dan 7 dalam teks *Pak Pandir* menjelaskan tentang beberapa jawatan kepimpinan dalam masyarakat yang dimaklumi dan diiktiraf oleh masyarakat. Bagi tujuan mengadakan kenduri arwah, Mak Andeh meminta Pak Pandir keluar menjemput tetamu-tetamu kehormat bagi majlis yang akan diadakan iaitu Lebai dan Haji. Dalam agama Islam dan kelompok masyarakat Melayu khususnya, Lebai dan Haji adalah panggilan kepada mereka yang berperanan sebagai pemimpin agama. Lebai merujuk kepada orang alim yang berwatakan warak dan celik agama (<https://prpm.dbp.gov.my/>). Manakala Haji pula adalah panggilan masyarakat kepada orang yang sudah pernah menunaikan rukun Islam kelima. Kedua-dua sosok ini adalah mereka yang menjadi rujukan berkaitan hal agama dan hukum hakam lantaran

pengalaman dan ilmu mereka. Justeru, pertimbangan Mak Andeh untuk menjemput kedua-dua sosok tokoh masyarakat ini adalah berasas kerana tujuan kenduri tersebut adalah untuk mengirimkan doa dan zikir kepada arwah-arwah ahli keluarga mereka yang telah meninggal dunia.

Faktor kepemimpinan juga dapat dilihat di peringkat institusi keluarga. Dalam sesetengah Pak Pandir lebih ke depan sebagai pemimpin dan bertindak mengawal keadaan dan memberi arahan. Kompetensi kepemimpinan Pak Pandir terserlah dalam situasi pertimbangan yang melibatkan keselamatan dan kecemasan. Hal ini bertepatan dengan pandangan Kotter (2001) iaitu pemimpin memainkan peranan menentukan arah tujuan, penyelaras, pendorong dan pencetus inspirasi. Hal ini dapat dilihat menerusi keberanian dan ketokohan Pak Pandir sebagai ketua keluarga menenangkan ketakutan yang dialami oleh Mak Andeh iaitu dalam plot ke 10 teks *Pak Pandir*.

Peristiwa ini berlaku sewaktu mereka membuat keputusan untuk kembali ke rumah gergasi untuk mengambil harta keluarga gergasi yang telah mati. Di samping pertimbangan berdasarkan kepemimpinan Pak Pandir, pertimbangan yang dipengaruhi sifat kepemimpinan Mak Andeh turut terserlah dalam plot yang sama iaitu ketika Mak Andeh membuat keputusan mengajak Pak Pandir menaiki pelampung terap untuk menyeberang sungai. Dapatan ini menunjukkan bahawa, dalam hubungan suami isteri, pertimbangan berasaskan nilai kepemimpinan boleh berlaku dalam kebanyakan masa.

Seterusnya ialah contoh kutipan yang dipetik dari plot ke 14 dari teks *Si Luncai*, berkaitan pelantikan Tuan Puteri sebagai pemerintah negeri bagi menggantikan Baginda Tuanku yang telah mangkat. Dapat dilihat kepentingan kepemimpinan dalam sesebuah kerajaan dan pentadbiran negeri. Pelantikan pemerintah negeri diputuskan menerusi mesyuarat di kalangan pembesar istana yang juga terdiri daripada pemimpin-pemimpin kanan Tuanku Raja. Timbang tara pembesar istana dalam menentukan calon terbaik pengganti Raja adalah sesuatu yang penting kerana ia melibatkan kepentingan negara dan kemakmuran rakyat.

Justeru, sekali lagi silsilah keturunan menjadi faktor pendorong dalam melantik Tuan Puteri Lela Kendi sebagai pemerintah negeri yang baru. Namun, pelantikan Mamanda Perdana Menteri sebagai pemangku menjelaskan tentang pertimbangan tuntas para pembesar berhubung kompetensi kepemimpinan Tuan Puteri Lela Kendi yang perlu dilatih dan ditingkatkan. Ternyata, kepemimpinan adalah faktor pertimbangan yang penting dalam urus tadbir sesebuah negara.

Seterusnya ialah dapatan yang diperolehi daripada plot 2 teks *Musang Berjanggal*. Dapatan ini pula menunjukkan bahawa ketegasan dalam kepemimpinan Tuanku Raja yang mempengaruhi keputusan yang dibuat. Dalam kutipan ini, Raja telah memberi peringatan keras kepada Kamalul Arifin berhubung hasratnya yang ingin mencari calon berkualiti (perempuan bukan betina) untuk dijadikan isteri. Kiasan tentang wanita lokal yang dikatakan tidak berkualiti itu telah merendah-rendahkan martabat wanita bangsawan dan kebanyakan di negeri bawah pemerintahan baginda. Ternyata, peringatan keras itu adalah berupa hukuman yang menanti seandainya Kamalul Arifin gagal mencapai cita-citanya dengan kembali tanpa memperisterikan wanita yang berkualiti.

Faktor kepemimpinan menjelaskan tentang hubungan pemimpin sebagai individu yang dihormati dalam masyarakat, dan pemimpin masyarakat tidak mampu bertindak sendiri tetapi perlu mendapat sokongan daripada rakyat (Madiawati Mustaffa et al. 2020). Justeru, hubungan pemimpin-pengikut dalam teks yang dikaji banyak mempengaruhi pertimbangan dan keputusan yang dibuat oleh watak-watak yang tergolong dalam kelompok rakyat marhean. Pemimpin mempengaruhi pengikut dalam kebanyakan perkara terutamanya dalam membuat keputusan atau melakukan perubahan bagi meningkatkan kualiti kehidupan pengikutnya (Ishak Mad Shah dan Mastura Mahfar, 2007). Kesimpulannya, kepemimpinan adalah satu bakat yang dimiliki, kompetensi yang sebaiknya mampu menghasilkan keputusan yang tegas, rasional dan berintegriti.

Kekayaan dan Kehambaan

Data kajian menunjukkan bahawa domain kuasa turut dibentuk oleh beberapa faktor yang lain iaitu kekayaan dan kehambaan. Dalam domain kuasa, dapatan menunjukkan kedua-dua kod umum ini agak kurang signifikan dalam mempengaruhi pertimbangan watak dalam teks-teks yang dikaji. Faktor kekayaan hanya merangkumi 5 kutipan dalam mempengaruhi pertimbangan watak. Ia merangkumi 4 kutipan dalam teks *Pak Pandir*, dan 1 kutipan dalam teks *Musang Berjanggung*. Manakala faktor kehambaan pula hanya memaparkan 3 kutipan daripada ketiga-tiga teks yang dikaji iaitu 2 dapatan dalam teks *Pak Pandir* dan 1 dapatan daripada teks *Si Luncai*.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kekayaan adalah ukuran material manakala kehambaan pula merujuk kepada ketundukan seseorang adalah kompetensi yang diperlukan oleh seseorang yang mempunyai status dalam masyarakat selain mekanisme memainkan peranan kuasa. Bagi memahami faktor ini, huraian lebih mendalam akan disampaikan bersama contoh-contoh kutipan daripada setiap teks sebagaimana yang dipersembah dalam Jadual 8:

Jadual 8 Contoh dapatan faktor kekayaan dan kehambaan di bawah domain kuasa

Teks	Kutipan	Kod Umum
Pak Pandir	Maka kata Pak Pandir, "Pergilah Andeh bawakan sekalian buah-buahan dan tebu pisang, ubi keladi dan korek kuburnya, masukkan supaya dimakan olehnya." Maka ujar Mak Andeh, "Bukannya demikian. Adapun orang mati itu, bukan dia berkehendakkan makan lagi, hanya yang boleh kita tolongi dengan kenduri, iaitu meminta doa kepada Allah Ta'ala barang dianugerah-Nya akan mereka itu tempat yang kebajikan." Kata Pak Pandir, "Kalau begitu, apa tahu oleh Andeh, buatlah. Aku tak tahu."	Kehambaan
	Maka kata Pak Pandir, "Apa namanya ini, Andeh?" Maka kata Mak Andeh, "Inilah segala harta gergasi itu, semuanya emas. Sekarang menjadi rezeki kitalah ini. Marilah kita angkut pulang ke rumah kita." Maka kata Pak Pandir, "Baiklah, Andeh." Maka Mak Andeh pun memungut sekalian perkakasan itu, dimasukkan ke dalam kain selendang lalu didukungnya seberat-berat ia membawa. Pak Pandir pun demikian juga. Setelah itu, Mak Andeh pun pergilah ke dapur. Dilihatnya segala periuk dan belanga gergasi itu semuanya emas. Itu pun dipapasnya juga. Demikianlah empat kali Pak Pandir dengan Mak Andeh berangkat ulang alik baharulah habis semuanya.	Kekayaan
Si Luncai	Patik ini tiada berdaya lagi oleh terlampau digagahi paduka ayahanda kedua menyuruh sampaikan pesannya ke bawah duli tuanku. Dari sebab itulah patik balik juga persembahkan titah paduka ayahanda itu, takut kalaukalau menjadi keberatan pula ke atas diri patik kemudian hari.	Kehambaan
Musang Berjanggung	...telah Kamalul Arifin mendengar perkataan baginda itu, maka ia pun menyembah, "Ampun tuanku, beribu-ribu ampun! Sembah patik harapkan diampun. Maka seperti titah Duli Yang Maha Mulia itu, telah terjunjunglah di atas jemala ubun-ubun patik. Maka patik pergi mencari hati musang berjanggung itu; patik mohonkan tempoh tujuh hari patik berjalan merata-rata hutan rimba belantara, selagi tiada patik mendapatkan, maka tiadalah patik mengadap Duli Yang Maha Mulia.	Kehambaan

	...setelah hari sudah petang, Tuan Kadi pun bersiaplah. Lalu memakai jubah gerasut merah dikenakan pula seluar dan gamis serta antari, berikat pinggang kain kasymiri dan mengikat serban besar kain sutera putih perbuatan Arabi(a)h, lalu duduk menanti saat ketikanya sahaja.	Kekayaan
--	--	----------

Kekayaan watak dalam cerita *Pak Pandir* dapat dilihat menerusi plot 10 di mana mereka mengambil harta gergasi yang telah mati. Adalah penting untuk memahami bahawa kekayaan ini adalah ukuran bagi mereka yang tahu nilai sesuatu material. Dapat dilihat bahawa Mak Andeh melihat peluang rezki kepada mereka dalam bentuk kekayaan harta berupa emas. Kekayaan material ini mungkin tidak pernah difikir, diangankan oleh *Pak Pandir*. Selain itu, pertimbangan Mak Andeh tentang kekayaan adalah merujuk kepada banyaknya kuantiti harta tersebut sehingga sanggup berulang alik sebanyak 4 kali sehingga habis semua harta gergasi.

Menariknya, meskipun Si Luncai merapati golongan istana, namun tiada langsung dapatan yang menunjukkan Si Luncai membuat sebarang pertimbangan atas faktor kekayaan.

Begitu juga Raja dan pembesar istana tidak menyentuh soal kekayaan dalam membuat pertimbangan. Atau mungkin saja, soal kekayaan tidak menjadi fokus kepada mereka yang sudah sedia memiliki kekayaan dan kemewahan. Begitu juga dengan watak-watak dalam teks *Musang Berjanggut*, hanya ada satu saja dapatan yang memaparkan kekayaan. Pertimbangan Tuan Kadi untuk bersiap dan mengenakan persalinan dari Kasymir menggambarkan kemewahan dan kekayaan yang selayaknya dikenakan bagi seseorang yang berstatus dan terpendang tinggi dalam masyarakat.

RUMUSAN

Rumusan yang dapat dibuat bagi domain kuasa adalah sangat menarik. Kuasa yang dipecahkan kepada faktor darjat memperlihatkan status sosial menjadi parameter dalam menimbang tara sesuatu hal. Kepatuhan, kuasa dan kepimpinan yang bertimbal balik hubungannya menampakkan bahawa pertimbangan orang Melayu diacuankan dengan ketaatan kepada kuasa pemerintah sejak dulu lagi. Malahan, kuasa khususnya membabitkan golongan feodal yang menjadi beban psikologi masyarakat Melayu ini semakin berkembang dan menjejaskan kerasionalan orang Melayu jika tidak disederhanakan. Ternyata kuasa adalah beban psikologi yang dipikul oleh masyarakat Melayu. Darjat adalah hal yang besar dan perlu dipertimbangkan dalam banyak hal. Domain ini adalah yang paling tinggi mempengaruhi pertimbangan watak-watak.

RUJUKAN

- Arbai'e Sujud dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. 2011. Pembentukan Emosi Kanak-Kanak Melalui Bahan Bacaan Sastera, *Jurnal Pengajian Melayu* 22: 66-88.
- Arbai'e Sujud, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi & Asiah Abdul Rahman. 2011. *Sastera Melayu Suatu Pengantar*. Kuala Lumpur : Tinta Press Sdn Bhd.
- Arief Setyawan, Sarwiji Suwandi, Selamat St Y. 2017. Muatan Pendidikan Karakter Dalam Cerita Rakyat Di Pacitan. *Journal Pendidikan Karakter* 12 (2): 199-211.
- Arslanbek, A. 2021. Exploring The Adolescent-Self Through Written And Visual Diaries. *Arts in Psychotherapy* 75. <https://doi.org/10.1016/j.aip.2021.101825>.
- Beatriz M. D. R. 1987. The Structure and Changing Functions of Oral Traditions. *Oral Tradition* 2(2-3):645-666. https://journal.oraltradition.org/wp-content/uploads/files/articles/2ii-iii/12_rhett.pdf (12 April 2022).

- Braun, V., Clarke, V. & Weate, P. 2016. Using Thematic Analysis In Sport And Exercise Research. Dlm. B. Smith & A. C. Sparkes (Pnyt), *Routledge Handbook Of Qualitative Research In Sport And Exercise* : 191-205. London: Routledge. (23/11/2018).
- Bronner, Simon J. (Pnyt). 2007. Introduction: The Analytics of Alan Dundes. Dlm. *Meaning of Folklore: The Analytical Essays of Alan Dundes*. University Press of Colorado. pp. 1-35. JSTOR, <https://doi.org/10.2307/j.ctt4cgrzn.4>.
- Carr, A. Michael White's. 1998. Narrative Therapy. *Contemporary Family Therapy* 20: 485- 503. <https://doi.org/10.1023/A:1021680116584>.
- Glasser. W 2004. Pengarang Kontemporari Dalam Talian, Biografi Dalam Konteks. <http://ic.galegroup.com.ez.trlib.info>.
- Glasser, W. (1999). *Choice Theory: A new Psychology of personal freedom*. HarperPerennial.
- Hall, J. M., & Powell, J. (2011). Understanding the Person through Narrative. *Nursing research and practice*, 2011, 293837. <https://doi.org/10.1155/2011/293837>.
- Hassan Ahmad (Peny). 2007. Cerita Jenaka Melayu. Yayasan Karyawan: Kuala Lumpur.
- Jan Vansina, 1965. *Oral Tradition : A Study in Historical Methodology*. London : Routledge & Kegan Paul.
- Jan Vansina. 1985. *Oral Tradition As History*. London : The University Of Wisconsin Press.
- Siti Aishah Binti Jusoh, Mohd Firdaus Bin Che Yaacob & Nasirin Bin Abdillah. 2021. Unsur Spiritual Dalam Cerita Lisan Melayu. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(2), 67-79. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.2.6.2021>.
- Jelani Harun. 2015. *Raja Haji Yahya dalam Sejarah Kesusasteraan Melayu Abad ke-20*. *Journal of Malay Literature. Vol 28 (No. 1)*. Dewan Bahasa dan Pustaka. 32-67.
- Justice Lisbeth K. 2003. *Choice Theory by Psychiatrist William Glasser*. http://www.personal.kent.edu/~1kjusti1/Choice_Theory/love_belonging.html.
- Kamus Ingeris-Melayu Dewan. 2006. Edisi Pertama. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Pelajar Bahasa Melayu. 2008. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Affandi Hassan. 2004. Kesusasteraan Melayu Di Persimpangan Jalan: AntiIntelektualisme, Hasad, Pandirisme. *Siri Wacana Ilmiah Damai (Dunia Melayu dan Islam)*. 21 Disember.
- Mohd. Taib Osman. 2007. *Sastera Rakyat/Lisan Melayu : Antara Pernyataan Local Genius dengan Ciri-ciri Kesejagatan dalam Tradisi Lisan Manifestasi Cendekiawan Melayu*, diselenggara oleh Rogayah A. Hamid & Wardati Md. Sheriff, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 297-298.
- Muhammad Safuan Ismail. 2015. *Watak dan Perwatakan Utama Dalam Cerita Jenaka Melayu*. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- Muhammad Safuan Bin Ismail, Roslina Bt Abu Bakar & Nik Rafidah Nik Muhammad Effendy. 2018. Cerita Jenaka Melayu Suatu Manifestasi Watak dan Perwatakan Positif" *Jurnal Melayu Sedunia (JMS)*. Jld. 1 (1) (2018): 296-329.
- Muhamad Said Awang dan Zulhamri Abdullah. 2012. Hubungan antara pertimbangan pemimpin, pertukaran komunikasi dan komitmen organisasi. *Jurnal Komunikasi*. Jilid 28(1) ms 121-136. http://www.ukm.my/jkom/journal/pdf_files/2012/V28_1_121-136.pdf.
- Nang Naemah Nik Dahalan. 2014. *Sastera Rakyat Melayu: Sejarah Dan Genre-Genre Utama*. *Jurnal Al-Muqadimah*. Bil 2(2) : 46-63.
- Nang Naemah Nik Dahalan, Noorzahidah Mohd Zain dan Mohd Akmal Sidek. 2015. Unsurunsur Didaktik dalam Cerita Jenaka Melayu : Analisis Terhadap Cerita Jenaka Himpunan Raja Haji Yahya Raja Ali dalam Isu-isu dan Cabaran Tamadun Islam diselenggara oleh Dr. Abdullah Yusof, Dr Asyiqin Ab. Halim et. al. Kuala Lumpur : Universiti Malaya. 88-105.
- Normaliza Abd Rahim, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi & Awang Azman Awang Pawi. 2016. Dissemination of Values through the E-Folklore. *TOJET: The Turkish Online Journal of Technology*, 16 (1), 32-36.
- Nurul Hilwany Che Shaffine. 2015. Pemikiran Islam dalam 'Ayn Karya Kemala. *Jurnal Melayu*, 14 (2), 240-259.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. 2018. Nilai-Nilai Murni dalam Naratif Lisan di Lembangan Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu. Tesis Dr Fal. Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan. Universiti Malaysia Kelantan.

- Mohd Firdaus Che Yaacob. 2015. Seuntai Nilai-Nilai Murni Dalam Himpunan 366 Cerita Rakyat Di Malaysia. Tesis Sarjana Sastera, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim. 2016. Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal of Business and Social Development*. 4 (2), 48- 57.
- R.O Winstedt. 1969. A history of classical malay literature. K.L: oxford uni press.
- Nang Naemah Nik Dahalan. Sastera rakyat Melayu: sejarah dan genre-genre utama. *Journal Al-Muqaddimah Bil-2(2):46-63*.
- Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim 2014. Cerita rakyat membentuk moral positif kanak-kanak melalui nilai murni. *Journal of business and social development*. Bil 2(2):74-85.
- Muhammad Takari et al. 2013. Tradisi lisan di alam Melayu: arah dan pewarisan nya. __ : 114.
- Mohamad Safuan Ismail, Roslina Abu Bakar, Nik Rafidah Nik Mohamed Effendy. 2018. Cerita Jenaka Melayu Suatu Manifestasi Watak Dan Perwatakan Positif. *Journal Melayu Sedunia Vol 1(1):296-329*.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim 2014. Cerita Rakyat Membentuk Moral Positif Kanak-Kanak Melalui Nilai Murni. *Journal Of Business And Social Development 2(2):74-85*.
- Mohd Amin Hassan 1974. Tradisi Lisan - Sejarah Lisan Dalam Usaha Mengkaji Sejarah Malaysia. *Akademika*. Bil 4:27-42.
- Nang naemah nik dahalan 2014. *Journal Al-muqaddimah bil 2(2):46-63*.
- P. Pama a/p Periasamy. 2014. Stereotaip Gender dalam Novel Terpilih Ramani Chandran. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Suliaty Asri 2016. Tarikan cerita rakyat. *Harian Metro* 29 september 2016.
- Rahman Shaari 2014. Sastera jenaka: yang parodi dan yang asli. *Malaysian journal of media studies*. Bil 6(1):123-132.
- Arbai'e Sujud & Nik Rafidah Muhammad Affendi 2011. Pembentukan emosi kanak-kanak melalui bahan bacaan sastera. *Journal pengajian Melayu*. Jil 22. 66-89.
- Fauzi, Mohd. 2015. Analisis Tindak Tutur Performatif Dalam Filem Musang Berjanggut Karya P. Ramlee. *Jurnal Pustaka Budaya*, vol. 2 (2).
- Glasser, W. (1999). *Choice theory: A new psychology of personal freedom*. HarperPerennial.
- Wan Norlidza Wan Mohd Zain. 2015. Kecerdasan Emosi dalam Novel Remaja. Tesis Dr. Fal. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Siti Aishah Jusoh, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah. 2021. Unsur Spiritual dalam Cerita Lisan Melayu. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature 12(2): 67-79*. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.2.6.2021> (29 Januari 2023).
- Hall, J. M., & Powell, J. (2011). Understanding the Person through Narrative. *Nursing research and practice*, 2011, 293837. <https://doi.org/10.1155/2011/293837>.
- Harun Jaafar. 2004. *Ikhtisar Kebudayaan dan Prosa Melayu Klasik*. Tanjung Malim : Penerbit UPSI.
- Hassan Ahmad (Peny). 2007. *Cerita Jenaka Melayu*. Yayasan Karyawan: Kuala Lumpur.
- Karyn Stapleton, John Wilson. 2017. Telling the story: Meaning making in a community narrative, *Journal of Pragmatics*, Volume 108, pp: 60-80, <https://doi.org/10.1016/j.pragma.2016.11.003>. (<https://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S0378216616306233>).
- Lickona, T. (1999). *Moral development and behavior*. New York: Penerbit Holt.
- McCartney, Elspeth (2006) Document 6 : Principles Of Oral Narrative Development. *Language Support Model For Teachers*. Glasgow : University of Strathclyde.
- Mohd Affandi Hassan. 2004. Kesusasteraan Melayu Di Persimpangan Jalan: AntiIntelktualisme, Hasad, Pandirisme. *Siri Wacana Ilmiah Damai (Dunia Melayu dan Islam)*. 21 Disember.
- Mohd Amin Hassan. 1974. Tradisi Lisan - Sejarah Lisan Dalam Usaha Mengkaji Sejarah Malaysia. *Akademika Bil (4) :27-42*.
- Mohd Sobhi Ishak. 2019. Memahami Perspektif Teori, Kerangka Teoritikal dan Pengaplikasian Teori dalam Penyelidikan Media Sosial. Dlm. Mohd Awang Idris, Mohd Sobhi Ishak, Azanin

- Ahmad dan Aszunarni Ayob. *Penyelidikan Sains Sosial : Aplikasi Teori dan Metodologi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd. Taib Osman. 2007. *Cerita Jenaka Melayu*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Mohd. Taib Osman. 2007. Sastera Rakyat/Lisan Melayu : Antara Pernyataan Local Genius dengan Ciri-ciri Kesejagatan dalam Tradisi Lisan Manifestasi Cendekiawan Melayu, diselenggara oleh Rogayah A. Hamid & Wardati Md. Sheriff, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 297-298.
- Nang Naemah Nik Dahalan, Noorzahidah Mohd Zain dan Mohd Akmal Sidek. 2015. Unsurunsur Didaktik dalam Cerita Jenaka Melayu : Analisis Terhadap Cerita Jenaka Himpunan Raja Haji Yahya Raja Ali dalam Isu-isu dan Cabaran Tamadun Islam diselenggara oleh Dr. Abdullah Yusof, Dr Asyiqin Ab. Halim et. al. Kuala Lumpur : Universiti Malaya. 88-105.
- Nang Naemah Nik Dahalan. 2014. Sastera Rakyat Melayu: Sejarah Dan Genre-Genre Utama. Jurnal Al-Muqadimah. Bil 2(2) : 46-63.
- Popay, Jennie & Roberts, H. & Sowden, A. & Petticrew, M. & Arai, Lisa & Rodgers, Mark & Britten, Nicky & Roen, Katrina & Duffy, S.. (2006). *Guidance on the conduct of narrative synthesis in systematic reviews*. ESRC methods programme. 15. 047-071.
- Webster's New World Dictionary*. 1998. USA: The World Publishing Company.
- Raja Haji Yahya. 1973. *Cerita Jenaka*. Petaling Jaya : Fajar Bakti.
- Raja Haji Yahya. 1979. *Cerita Jenaka*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- William G. M. D. 1998. *Choice Theory: A New Psychology of Personal Freedom*. Harper Collins Publisher: USA.
- William G. M. D. 2004. Pengarang Kontemporari Dalam Talian, Biografi Dalam Konteks. Diperolehi dari: <http://ic.galegroup.com.ez.trlib.info>.
- William Glasser M. D. 1998. *Choice Theory: A New Psychology of Personal Freedom*. Harper Collins Publisher: USA.
- Vera Afriani (2017). Cerita rakyat sebagai media pembelajaran pendidikan karakter. Prosiding semina nasional 20, program pascasarjana, universitas GRI Palembang 25 november 2017.